# SETITIS HIDAYAH

## KISAH-KISAH KEINSAFAN INSPIRASI JIWA

Majlis Agama Islam Selangor

Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penerbitan:
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
Tingkat 9, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752
Faks: 603-5512 4042
E-Mel: pro@mais.gov.my
Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| PRAKATA | | v |
| **KISAH 1:** | PERPECAHAN KELUARGA | 1 |
| **KISAH 2:** | IBU TUNGGAL | 9 |
| **KISAH 3:** | ANAK YATIM | 17 |
| **KISAH 4:** | ORANG KURANG UPAYA (OKU) | 25 |
| **KISAH 5:** | KESALAHAN JUVANA | 31 |
| **KISAH 6:** | GENGSTERISME | 41 |
| **KISAH 7:** | KEMISKINAN | 49 |
| **KISAH 8:** | PENGANGGURAN | 63 |
| **KISAH 9:** | PENAGIHAN DADAH | 73 |
| **KISAH 10:** | AJARAN SESAT | 83 |

# PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku *Setitis Hidayah: Kisah-Kisah Keinsafan Inspirasi Jiwa* ini, diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya dari peruntukan zakat yang disumbangkan oleh umat Islam khususnya di Selangor. Terbitan buku ini adalah bagi tujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan kemaslahatan ummah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Buku ini ditulis berdasarkan kisah-kisah benar keinsafan sebahagian episod 'suka duka' segelintir anggota masyarakat. Ia digarap hasil daripada temu bual dengan sepuluh kelompok sasaran masalah sosial iaitu; Perpecahan Keluarga, Ibu Tunggal, Anak Yatim, Orang Kurang Upaya (OKU), Kesalahan Juvana, Gengsterisme, Kemiskinan, Pengangguran, Penagihan Dadah dan Ajaran Sesat.

Mungkin bagi kita, sebahagian kisah tersebut 'biasa-biasa' sahaja. Memang terdapat segelintir ahli masyarakat yang kurang mengambil peduli terhadap golongan yang hidup sukar, terpinggir atau terhina. Namun, kemahuan untuk berubah dan kejayaan para watak utama dalam setiap kisah adalah kisah-kisah luar biasa, yang seharusnya dapat membuka mata dan hati masyarakat khususnya umat Islam.

Penulisan buku bermula dengan masalah kekeluargaan kerana ia adalah punca utama kepada pelbagai masalah sosial. Isu perpecahan keluarga, ibu tunggal dan anak yatim adalah berkaitan dengan institusi keluarga. Goyahnya institusi keluarga, maka goyahlah juga individu dalam keluarga tersebut. Apabila kasih sayang dan belas kasihan luntur dalam keluarga, anggota keluarga itu mula tertekan, tidak tenteram dan tidak terkawal. Akhirnya, mereka cenderung untuk melakukan pelbagai masalah sosial lain seperti kesalahan juvana, gengsterisme, penagihan dadah dan sebagainya.

Isi kandungan buku ini penuh dengan pengajaran dan sempadan. Ia mengajak para pembaca merenungi setiap perkara yang ditempuh oleh watak-watak dalam kisah ini. Bertolak dari situ, kita harus bertanya: apakah yang telah saya pelajari daripada kehidupan singkat watak-watak tersebut, hatta diri saya sendiri ini? Hakikatnya, kita harus sentiasa menilai dan menginsafi apa juga perkara kebaikan atau ketelanjuran dalam hidup ini, dan kembali kepada jalan hidup yang benar.

Catatan liku-liku hidup insan-insan terpilih dalam buku ini membawa pembaca melalui proses muhasabah yang dianjurkan dalam Islam. Banyak ayat Al-Qur'an yang menggesa kita untuk merenungi dan menginsafi kesilapan umat-umat terdahulu. Justeru, alangkah baiknya jika kita dapat mempelajari jatuh bangun kehidupan mereka yang hidup sezaman dengan kita.

Iktibar kisah-kisah keinsafan yang ditampilkan ini juga amat relevan sebagai cerminan keadaan umat pada hari ini. Pengajaran utama yang dapat dipelajari untuk menjadi umat yang berjaya, kita harus kembali ke pangkuan Pencipta iaitu Allah SWT. Setelah itu hidayah dan pertolongan daripada Allah akan hadir tanpa disangka-sangka. Begitulah juga yang dialami oleh watak-watak penting dalam kisah-kisah yang tampilkan.

Pengajaran ini selari dengan tiga prinsip asas untuk menjadi

umat yang terbaik *(khaira ummah)* iaitu menyeru kepada kebaikan, melarang kepada kemungkaran dan beriman kepada Allah. Ternyata kisah-kisah yang ditampilkan sarat dengan gesaan nasihat ke arah kebaikan, peringatan menghindari kefasadan serta pengukuhan iman watak-watak utama kepadaNya jua.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan *"Jazakumullahu Khairan Kathira"* kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kemaslahatan umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa**
**Pengerusi MAIS**

# KISAH 1
# PERPECAHAN KELUARGA

Hayati berasal daripada sebuah keluarga yang sederhana di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Sejak dilahirkan pada tahun 1962, Hayati tidak pernah mengecapi nikmat keluarga yang bahagia dari kasih ibu dan ayah. Bermula dari saat kelahirannya lagi, keluarga ibu dan ayah Hayati sering bertelingkah dan akhirnya menyebabkan mereka terpaksa berpisah. Hayati merupakan anak tunggal yang menjadi bukti kewujudan perkahwinan ayah dan ibunya sebelum mereka bercerai.

Nenek sebelah ibu menjadi *"duri dalam daging"*. Sejak awal perkahwinan ibu dan ayah, pelbagai masalah sering berbangkit dan diungkit-ungkit. Semuanya kerana soal darjat yang tidak sama. Ibu berketurunan Syed dan Sharifah, manakala ayah pula daripada keluarga biasa. Sikap nenek yang mementingkan darjat sering mengeruhkan suasana.

Ini menyebabkan Hayati dan keluarga hidup dalam kesusahan sejak dari kecil sehinggalah dewasa. Sikap keras kepala dan tidak bertolak ansur nenek dalam pelbagai perkara menyebabkan keretakan dan keruntuhan keluarga terjadi sedikit demi sedikit. Ibu dan ayah cukup tertekan untuk meneruskan kehidupan sebagai pasangan suami isteri dek desakan dan sikap mengongkong nenek dalam pelbagai hal yang kadang kala tidak munasabah.

## Akibat Darjat

Sikap nenek yang semakin meninggi diri ini sukar diterima oleh keluarga ayah. Kemuncaknya apabila nenek sebelah ibu dan nenek sebelah ayah telah bergaduh besar disebabkan hal yang kecil. Perbalahan ini berlarutan sehingga berlaku kejadian pukul memukul dan kes berlanjutan di mahkamah. Ini menyebabkan nenek sebelah ibu memaksa ibu dan ayah bercerai.

Setelah berpisah dengan ayah, ibu berkahwin semula dan Hayati dijaga oleh ibu. Ayah juga berkahwin lain namun hanya boleh melawat Hayati sekali sekala. Itupun nenek kerap menghalang dan mengugut ayah daripada menemui Hayati sehinggalah usia Hayati menginjak dewasa.

Walaupun mempunyai ayah yang baharu, Hayati tidak dapat merasai kasih sayang daripada ayah tirinya. Hidup Hayati tidak begitu terurus sehingga beliau keciciran dalam pelajaran. Tambahan pula kehidupan mereka sekeluarga sentiasa dalam tekanan dengan sikap nenek yang masih suka mendesak dan mengongkong.

Hayati semakin berjauh hati dengan ayah kandungnya. Ini disebabkan keadaan ayah yang sukar untuk menziarahi Hayati dan ditambah lagi dengan pelbagai cerita buruk tentang ayah dengan keluarga baharunya. Kini Hayati terpaksa hidup dalam keadaan keluarga yang sudah berpecah.

## Keadaan Berubah

Keadaan berubah setelah nenek meninggal dunia. Situasi semakin tenang setelah Hayati berumah tangga dan berpindah kerana mengikut suami ke sebuah tanah rancangan FELDA di Negeri Sembilan. Namun, dibenaknya masih sentiasa teringat akan

ayah kandungnya, walaupun setelah melalui pengalaman pahit perpisahan ibu dan ayahserta pengabaian kasih sayang ayah terhadapnya.

Tahun 1987 merupakan detik perubahan. Tanpa disangka-sangka Hayati menerima sekeping poskad daripada adik tirinya, hasil perkahwinan ayah kali kedua. Adik tirinya berusaha mencari beliau setelah kematian nenek di sebelah ayah. Hati Hayati tersentuh apabila menerima perutusan pertama daripada adik tiri dan ayahnya. Ia membuka hati Hayati untuk membuka lembaran baharu yang dapat mengukuhkan jalinan perhubungan dengan mereka.

Walaupun Hayati sedar usaha ini mungkin akan dihalang oleh ibu yang memegang pesanan dan amanah daripada nenek, namun sangkaan buruk itu dibuang jauh-jauh. Semenjak itu, mereka kerap berutus surat dan poskad sebagai langkah susulan untuk bertanya khabar dan mengenali antara satu sama lain.

Hasil perutusan surat dan poskad yang silih berganti, hati Hayati berbunga kembali. Semakin kuat terbit rasa keinsafan dalam diri untuk kembali menjalinkan ikatan silaturahim terutamanya dengan ayah setelah sekian lama terputus angkara nenek.

Rupa-rupanya Hayati sudah mempunyai tujuh adik-beradik tiri. Hayati juga dapat merasakan keikhlasan adik-adik tirinya memberi galakan kepadanya untuk menyambung semula ikatan antara seorang anak dan ayah yang terputus. Ini amat berbeza dengan cerita-cerita buruk tentang mereka yang kerap digembar-gemburkan oleh ibu dan arwah nenek.

## Kembali Terjalin

Kemuncaknya pada tahun 1990, Hayati berpeluang menziarahi ayahnya buat kali pertama setelah bertahun-tahun tidak bertemu. Kegembiraan Hayati tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Ia umpama mati hidup semula. Segala kerinduan yang terkumpul sejak bertahun lama, akhirnya terubat jua. Pertemuan ini memang tidak pernah disangka oleh Hayati apatah lagi langsung tidak mendengar khabar berita tentang ayah selama lebih 25 tahun.

Pertemuan ini bukan sekadar menemukan Hayati dengan ayahnya, malah mengubah persepsi negatif beliau terhadap keluarga baharu ayah. Sikap dan layanan baik ayah dan keluarga tirinya telah mengubah tanggapan serong Hayati selama ini. Hayati mendapati mereka amat menyayanginya.

Dari situ baharulah Hayati tahu bahawa sebenarnya ayah dan adik-adik tirinya sangat ingin bertemu dengannya. Namun, usaha mereka sebelum ini telah dihalang oleh nenek sebelah ayah dengan pelbagai amaran dan ugutan.

Pertemuan tersebut membuka lembaran baharu dalam hidup Hayati. Jika sebelum ini akibat perceraian menyebabkan hidup Hayati terpisah daripada ayah, kini mereka disatukan kembali. Hayatilah orang yang paling gembira kerana dapat kembali ke pangkuan ayah tercinta serta keluarga tirinya yang baik dan penyayang.

Bagi Hayati ikatan antara dirinya dan ayah yang kembali bertaut sejak sekian lama terpisah adalah satu kejayaan yang manis. Ayah dan keluarga tirinya adalah pendorong bagi dirinya untuk kembali menyimpulkan ikatan kasih sayang. Hayati yang membahasakan dirinya Kak Long merasa amat gembira dikelilingi gelak tawa keluarga tirinya setiap kali bertemu. Ini kerana begitu sekian lama beliau menjalani kehidupan tanpa mendapat kasih sayang dan perhatian. Lebih menggembirakan lagi pertemuan itu berlaku menghampiri tarikh ulang tahun perkahwinannya.

## Kejayaan Bermakna

Kejayaan pertemuan dan jalinan hubungan antara Hayati dengan ayah serta keluarga tirinya amat bermakna sekali. Keluarga yang berpecah belah telah dapat disatukan kembali. Hayati melihat sikap positif adik-beradik dan ibu tiri beliau telah banyak membantu dalam usaha menyatukan kembali dirinya dengan ayah.

Sikap mereka yang mahu mengambil yang jernih dan membuang yang keruh serta sedia menerima dirinya amat menyentuh perasaan. Ini dibuktikan dengan usaha tidak kenal jemu mereka untuk mencari dan menghubungi Hayati. Semuanya membuka jalan untuk hubungan antara seorang anak dan ayah terjalin kembali meskipun sebelum ini ia dilihat sebagai satu yang mustahil.

Ayah Hayati juga merupakan seorang yang pemaaf sekalipun ayah pernah dihina dan disakiti oleh ibu dan nenek sebelah ibu. Ayah juga begitu sedih apabila hubungannya dengan ibu dipisahkan secara paksa. Malah, ibu dan nenek sentiasa menanamkan rasa benci dan pandangan negatif dalam dirinya terhadap ayah. Namun, ayah tidak pernah berdendam dan sedia memaafkan mereka. Hayati juga bersyukur kerana tidak mudah termakan dengan dakwaan ibu dan nenek serta bersikap tidak pernah membenci ayahnya.

## Menempuh Rintangan

Bila mengenangkan kembali detik-detik dahulu, terlalu banyak rintangan yang dihadapi oleh Hayati demi untuk mengecapi nikmat sebagai anak yang mempunyai ibu dan ayah sebagai tempat bermanja. Hayati melihat nenek sebagai batu penghalang dalam keharmonian rumah tangga ibu dan ayahnya. Malah,

setelah bercerai nenek jugalah yang sentiasa menghalang Hayati menemui ayah. Semua kenangan tentang ayah dimusnahkan dan yang tinggal hanya nama dan doa untuk dikenang.

Semenjak kecil Hayati terpaksa hidup tanpa kasih sayang seorang ayah. Malah, kehidupannya sentiasa dikongkong oleh ibu dan nenek. Akibatnya, Hayati mengalami tekanan perasaan dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajarannya sehingga keciciran. Beliau gagal mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan dan tidak berpeluang menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi seterusnya gagal mendapat kerjaya yang baik.

Kehidupan Hayati dengan keluarga baharu bukanlah senang. Bapa tiri dan ibu pula sering menghadapi masalah kewangan untuk menyara kehidupan Hayati. Walaupun nenek memiliki harta, beliau amat kedekut hatta dengan ahli keluarga sendiri. Perihal keluarganya turut menjadi buah mulut dan padangan serong masyarakat sekeliling. Keadaan ini berlaku semuanya bertitik tolak dari pergeseran keluarga yang berlarutan bertahun-tahun lamanya. Ia amat menyakitkan hati dan menghiris perasaan Hayati.

Dalam keadaan ini, memang timbul perasaan Hayati untuk mencari kembali ayah dan keluarga baharunya. Namun, hasrat tersebut sering terbantut akibat halangan daripada nenek dan ibu. Hayati juga merasa takut dan risau tidak diterima oleh mereka. Selain itu, Hayati berhadapan dengan kesukaran dalam pencariannya kerana tidak mempunyai banyak maklumat tentang ayahnya. Namun, perasaan gundah tersebut segera terlerai apabila Hayati dapat menemui semula ayahnya. Malah, kehadirannya diterima oleh ayah dan keluarga tirinya dengan tangan yang terbuka.

Kini, Hayati yang juga telah berumah tangga semakin gembira. Bukan sahaja dapat menyatukan kembali keluarga yang berpecah, malah dapat juga membina keluarga sendiri yang bahagia. Beliau dikurniakan lima orang cahaya mata. Malah, ada di antara anak-anaknya berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke pengajian peringkat pengajian tinggi hasil daripada didikan dan curahan kasih sayang yang beliau dan suaminya berikan.

## Iktibar Untuk Semua

Hayati merasakan kisah keluarganya yang berpecah boleh dijadikan teladan. Bagi Hayati salah satu punca perpecahan keluarga adalah campur tangan pihak ketiga. Dalam kes beliau, campur tangan nenek sebelah ibunya dalam kehidupan keluarga ibu dan ayahnya telah menyukarkan mereka mencari titik persefahaman dan akhirnya membibitkan perselisihan.

Darjat dan kekayaan yang menjadi ukuran perbezaan keluarga dan manusia adalah perkara yang tidak kekal lama. Kita tidak perlu berbangga dengan darjat dan keturunan kerana ia tidak bermanfaat langsung apatah lagi apabila sesebuah keluarga itu berpecah belah kerananya.

Justeru, mertua seharusnya menjadi penasihat, pendorong dan pembantu untuk anak menantu mereka menjalani kehidupan berkeluarga dengan harmoni. Mereka tidak seharusnya bersikap memihak atau memperkecilkan anak atau menantu mereka dalam apa juga keadaan.

Untuk itu, sentiasalah berbaik sangka sesama ahli keluarga. Persefahaman antara  suami dan isterilah paling penting. Seorang isteri tidak boleh menderhakai suaminya walaupun atas arahan ibu kerana ia adalah dosa yang besar. Begitu juga seorang anak tidak boleh memusuhi ayahnya sendiri, tambahan pula jika hanya melalui gambaran dan maklumat oleh orang lain.

Ternyata perpecahan adalah sesuatu yang mudah terjadi. Mungkin hanya beberapa detik dan beberapa patah perkataan sahaja boleh menyebabkan sebuah keluarga berpecah belah. Namun, untuk menyatukannya semula memerlukan usaha yang gigih dan mengambil masa bertahun-tahun lamanya. Keluarga Hayati sendiri mengambil masa lebih dari 25 tahun.

Namun, tiada siapa mampu menolak qada' dan qadar Allah SWT. Jika berlaku juga perpisahan dalam keluarga, sentiasa berusaha dan berdoa tanpa putus asa agar kasih sayang bertaut kembali. Itulah yang dialami oleh Hayati yang bertemu kembali ayah tercinta tanpa disangka-sangka. Allah memberi rahmat melalui adik-beradik tirinya untuk menjadi jambatan penghubung kasih yang lama terputus antara Hayati dan ayahnya.

Buat semua, jagalah hubungan kekeluargaan sebaik-baiknya kerana keluarga yang bersatu dan harmoni adalah hadiah paling bermakna untuk kehidupan setiap insan.

# KISAH 2
# IBU TUNGGAL

Eira dilahirkan pada tahun 1986 di negeri Perak. Anak sulung daripada enam orang adik-beradik ini kurang mengenali ayah dan ibunya kerana dibesarkan oleh keluarga angkat semenjak kecil di Kuala Lumpur. Oleh kerana tidak mahu terus membebankan keluarga angkat, Eira sentiasa menunggu peluang untuk keluar dari tanggungan keluarga tersebut.

Pada tahun 2002, Eira berada di persimpangan sama ada mahu meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau berkahwin kerana telah dilamar. Akhirnya, Eira memilih untuk berkahwin pada usia muda kerana berharap ia dapat meringankan beban keluarga angkatnya. Eira berpindah mengikut suami dan menetap di Alor Setar, Kedah.

## Episod Duka

Namun, *"langit yang disangka cerah hingga ke petang, rupanya hujan di tengahari"*. Bermulalah episod duka buat Eira. Suaminya adalah seorang mualaf yang masih kurang amalan agamanya. Beliau juga seorang yang panas baran dan mudah berang. Suaminya mudah marah dan melenting walaupun disebabkan perkara yang kecil. Jika anak menangis beliau marah, hatta kerana ubat mata tidak diberi pun beliau marah. Kadangkala

kemarahannya begitu tidak terkawal sehingga sanggup mengugut untuk membunuh Eira dan anak-anak.

Sewaktu dalam kemarahan, mulut suaminya ringan sekali memaki hamun Eira malah sehingga ke tahap hampir melafazkan talak. Acapkali suaminya mengugut untuk menceraikannya. Hal ini membimbangkan Eira kerana rumah tangganya sering tidak tenteram. Walaupun Eira mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik, namun tidak mudah untuk beliau membimbing suaminya. Sudah berulang kali beliau menasihati suaminya, namun segala nasihatnya tidak diendahkan.

Lebih memburukkan keadaan, suami Eira yang pada awalnya memiliki pekerjaan yang baik sudah berhenti kerja. Beliau kini bekerja secara tidak tetap dan menyebabkan pendapatan untuk keluarga menjadi tidak menentu. Dalam keadaan kesempitan wang, kakak angkat Eira kerap tampil membantu dengan memberikan wang untuk menyara mereka sekeluarga.

## Gagal Bertahan

Tahun 2006 akan sentiasa diingati Eira. Setelah empat tahun bersabar dalam mengharungi gelora rumah tangga bersama suami, akhirnya Eira tidak dapat bertahan lagi. Sebelum ini, Eira sedia berbaik-baik dengan suaminya walaupun telah dilafazkan cerai kerana memikirkan masa hadapan anak-anak. Namun, kali ini Eira nekad untuk bercerai setelah sekilan lama menderita.

Pada hari tersebut, Eira dan suami berselisih faham lagi. Kali ini suaminya mengambil pisau dan mengugut untuk membunuh Eira dan anak-anak. Kerana bimbangkan keselamatan diri dan anak-anak, Eira menghubungi kakak angkatnya yang kemudiannya membawa beliau ke balai polis. Setelah laporan dibuat, Eira tinggal sementara dengan keluarga angkat bagi

mendapatkan perlindungan. Tindakan ini menambah kemarahan suaminya lalu pergi mencarinya dan melafazkan talak ke atas Eira. Keadaan ini benar-benar mengecewakan Eira dan beliau bertekad untuk tidak mahu kembali lagi ke pangkuan suaminya.

Pada masa yang sama, ayah dan kakak angkat Eira turut menasihati beliau agar membuat keputusan yang tepat. Mereka risau dengan keadaan Eira dan anak-anak yang tidak terurus dan hidup susah kerana bersuamikan seorang yang panas baran. Mereka juga risau dengan keselamatan Eira dan anak-anaknya yang kerap diancam.

Semua ini membuatkan Eira *"berpatah arang, berkerat rotan"* dengan bekas suaminya. Terbit rasa keinsafan dalam diri Eira untuk keluar dari cengkaman suaminya yang panas baran dan mula membina hidup baru. Nasihat dan dorongan daripada keluarga angkat menguatkan lagi azam Eira untuk mengambil keputusan tersebut.

## Hidup Baharu

Bermula dari saat itu bermula fasa baru hidup Eira sebagai seorang ibu tunggal. Eira mendapati banyak perkara yang perlu dilakukan sendiri, namun beliau berasa puas dan bebas. Jika dikenang, memang timbul rasa menyesal kerana memilih untuk berkahwin awal berbanding menyambung pelajaran. Namun, *"nasi sudah menjadi bubur"*. Eira harus meneruskan hidup dengan segala kekuatan yang ada.

Berstatus ibu tunggal bukanlah mudah kerana tugas utama adalah untuk mendapatkan nafkah bagi menyara diri dan dua orang anaknya. Sebelum ini, tugas tersebut digalas oleh bekas suaminya. Eira juga sukar mendapatkan pekerjaan yang baik kerana kelulusannya setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

Namun, Eira amat bersyukur kerana keluarga angkat yang memeliharanya semenjak kecil sedia untuk membantu.

Keluarga angkat bukan setakat menasihati, malah membimbing dan membantu Eira sepenuhnya. Kakak angkatnya menyediakan rumah di Perak untuk Eira tinggal tanpa mengenakan sebarang bayaran. Memandangkan pendapatan Eira yang belum cukup stabil bagi menyara kehidupan dua orang anak, kakak angkatnya yang menetap di Kuala Lumpur memelihara dan membesarkan anak Eira yang sulung seperti anaknya sendiri.

Pada masa yang sama, Eira juga mengambil tindakan undang-undang terhadap bekas suami dengan menfailkan beberapa tuntutan. Ini bagi memastikan hak dirinya dan anak-anak terbela walaupun sudah tidak lagi tinggal bersama suami.

Selanjutnya, ayah angkat Eira pula mendorong Eira untuk memulakan kerjaya sebagai usahawan. Eira telah dihantar menghadiri beberapa kursus dan program untuk membina semula kekuatan dan mandapatkan kemahiran baharu.

## Mengorak Langkah

Eira cukup bersyukur dengan fasa baharu kehidupannya. Makan minum dan pendidikan anak-anak juga lebih terurus berbanding ketika bersama suami. Beliau melangkah setapak lagi apabila kakak angkatnya memberikan modal untuk memulakan perniagaan sendiri. Langkah Eira tidak berhenti setakat itu, malah diteruskan apabila kakak angkatnya memberi peluang kepadanya untuk mengembangkan bakat dalam bidang perniagaan di Kuala Lumpur. Beliau dimasukkan ke kolej untuk mempelajari bidang spa kecantikan dan salun Muslimah.

Eira terus melangkah. Tahun 2012, kakak angkatnya memberikan galakan dengan memberi peluang kepada Eira untuk menguruskan butik dan salun Muslimah di Alam Budiman. Eira turut dihantar menyertai beberapa kursus untuk mendalami bidang masakan dan kemahiran perniagaan. Di samping itu, kakak angkatnya turut memberi bimbingan agama kepada Eira dan anak-anaknya. Perkembangan ini menyebabkan Eira lebih gembira kerana telah mula dapat membina keluarga sendiri tanpa kehadiran seorang suami.

## Cabaran Hidup

Perjalanan Eira untuk memajukan diri tidaklah semudah yang disangka. Sentiasa ada cabaran yang mendepaninya. Faktor utama adalah cabaran membina kekuatan dalaman diri yang sentiasa ada naik dan turunnya. Kekuatan ini penting kerana perlu menggalas tanggungjawab bagi mendidik dan menyara anak-anak yang masih kecil. Lebih-lebih lagi Eira tiada sumber kewangan yang kukuh kerana kelulusannya setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini menyukarkan beliau mendapat pekerjaan yang baik. Mujur ahli keluarga membantu menyediakan tempat tinggal, kenderaan dan peluang berniaga.

Sewaktu tinggal di Perak ketika awal penceraian, Eira sukar untuk membina kehidupan baharu kerana berjauhan dengan keluarga angkat. Eira amat rapat dengan kakak-kakak angkatnya yang menetap di Kuala Lumpur. Akhirnya, Eira dapat berpindah dan hidup bersama-sama mereka bagi membina semula kehidupan.

Pada peringkat awal perceraian, Eira juga tidak sunyi daripada gangguan bekas suami. Bekas suaminya selalu datang mengganggu sehingga pada satu tahap melarikan anak-anak ke satu tempat yang tidak diketahui. Dengan usaha dan bantuan

keluarga, anak-anak dapat ditemui kembali. Bekas suaminya juga sering mengganggu ketenteraman arwah ayah, adik-beradik dan jiran-jiran dengan jeritan, maki hamun serta ugutan. Namun, kini Eira bersyukur kerana bekas suaminya sudah tidak mengganggu lagi.

Ibu tunggal juga sering berhadapan dengan persepsi negatif masyarakat yang melihat mereka sebagai wanita jahat dan penggoda suami orang. Walaupun ada lelaki lain yang ingin menjadikan Eira isteri, namun beliau belum bersedia kerana mengutamakan kepentingan anak-anak di samping bimbang mereka hanya mahu mengambil kesempatan.

## Keluar Dari Belenggu

Kini, sudah hampir lapan tahun Eira hidup sebagai ibu tunggal. Hampir lima tahun Eira berusaha untuk sampai ke tahap sekarang. Banyak yang Eira telah pelajari dan kehidupannya semakin dapat diperbaiki dari sudut agama, ekonomi, ilmu dan kemahiran. Inilah kejayaan awal Eira untuk keluar dari belenggu masalah silam. Tekad Eira ialah berusaha agar tidak mengulangi kesilapan lalu. Justeru, segala peluang harus dimanfaatkan dan nasihat daripada keluarga yang lebih berpengalaman terus dijadikan pedoman.

Terdapat dua perkara penting yang memberi pengajaran kepada Eira. Pertama, membina kekuatan dalaman diri. Sumber utamanya adalah penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT kerana segala-gala yang berlaku atas kehendak Dia jua. Sesungguhnya di sebalik setiap ketentuan tentu ada hikmahnya. Anak-anak adalah sumber kekuatan. Anak-anak menguatkan tekad Eira untuk berusaha. Eira tidak mahu anak-anak menjadi mangsa akibat perceraian yang berlaku. Di samping itu, kekuatan dalaman tersebut tercetus dan bersemarak dengan sokongan serta dorongan daripada arwah ayah serta kakak angkatnya. Merekalah

sumber inpirasi dan pendorong utama yang tidak jemu-jemu membantu.

Kekuatan dalaman ini membantu Eira dalam mengharungi ujian. Walau sebesar mana pun masalah yang melanda, ia mesti diharungi dengan penuh bersemangat. Untuk itu, kemahuan diri harus kuat untuk bangun kembali agar tidak terus dibelenggu dengan status sebagai ibu tunggal yang kerap dipandang serong oleh masyarakat. Kekuatan ini membantu Eira membuat keputusan lebih berani berbanding ketika hidup dalam ketakutan sewaktu bersama bekas suami dahulu.

Perkara kedua adalah ilmu dan kemahiran amat penting untuk berjaya. Eira beruntung kerana kakak-kakak angkatnya sangat mementingkan ilmu. Mereka sanggup mengeluarkan duit dan bersusah payah demi memastikan Eira mendapat ilmu dan kemahiran untuk meneruskan kelangsungan hidup.

## Panduan Hidup

Tidak syak lagi arwah ayahnya dan keluarga angkatlah orang yang paling memahami dan membantu Eira. Prinsip arwah ayahnya, ahli keluargalah orang pertama yang patut membantu mana-mana ibu tunggal dalam sesebuah keluarga, dan bukannya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada orang lain. Arwah ayahnya mengamalkan prinsip dan kepercayaan tersebut. Oleh kerana itu, Eira amat menghargai jasa arwah ayahnya. Doa Eira semoga roh arwah ayahnya sentiasa sejahtera di alam barzakh kerana amal solehnya.

Di samping itu, kakak angkat Eira pula pernah berpesan kepadanya supaya menjauhi dua jenis kehangatan. Pertamanya, *"hangat-hangat tahi ayam"* iaitu tidak bersungguh-sungguh dalam pekerjaan. Keduanya, kehangatan api neraka di mana kita

harus berusaha menjadi yang terbaik sebagai hamba Allah demi kejayaan dunia dan akhirat.

Bagi Eira menjalani kehidupan sebagai ibu tunggal bukanlah mudah. Namun, dengan adanya sokongan dan perlindungan daripada keluarga angkat, keselamatan dan maruah diri sebagai ibu tunggal lebih terjaga. Justeru, ibu tunggal mestilah bijak membawa diri dan menjaga pergaulan agar tidak disalahertikan oleh orang sekeliling. Jika kita tidak bersalah jangan biarkan pandangan negatif masyarakat mengganggu diri untuk bangkit kembali.

# KISAH 3
# ANAK YATIM

Nurul dilahirkan pada tahun 1992 di Setapak, Kuala Lumpur. Anak kedua daripada enam orang adik-beradik ini berasal daripada sebuah keluarga yang penuh dengan kasih sayang. Ayah Nurul seorang pelukis pelan manakala ibunya pula seorang suri rumah tangga.

Namun, tahun 2009 tidak akan sesekali dilupakan oleh Nurul. Kedua-dua insan yang paling disayangi iaitu ayah dan ibu telah pergi buat selama-lamanya. Ayah dan ibu Nurul meninggal dunia secara mengejut. Ibunya meninggal dunia pada 15 Julai 2009, manakala ayahnya pula pada 18 November 2009 iaitu hanya selang empat bulan. Nurul dan adik-beradiknya tidak sesekali menyangka mereka akan menjadi yatim piatu pada usia muda.

Pada ketika itu usia Nurul baharu menjangkau usia 17 tahun dan sedang bersedia untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kakaknya yang berumur 21 tahun sedang belajar di peringkat ijazah dalam bidang Seni Hiasan Dalaman di Universiti Tekonologi Mara (UiTM), Shah Alam. Semua adik-adik Nurul masih kecil dan sedang belajar. Adik-adiknya berusia di antara sembilan tahun sehingga 13 tahun termasuk dua orang adik bongsunya yang merupakan pasangan kembar yang baharu berumur sembilan tahun.

## Pesan Arwah Ayah

Kematian ayah dan ibu begitu menyedihkan Nurul dan adik-beradiknya. Ia amat berat bagi Nurul kerana sebagai anak kedua dalam keluarga, beliau dan kakaknya terpaksa melaksanakan tugas membesarkan adik-adik. Arwah ayah dan ibu mereka meninggalkan dua pesanan yang mesti ditunaikan sebagai amanah. Pertama, tetap tinggal bersama adik-beradik dan kedua, memastikan adik-adiknya semua mendapat pendidikan agama dan formal sehingga selesai.

Oleh kerana kakaknya masih belajar, Nurul terpaksa menggalas tanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga adik-adiknya. Tanggungjawab tersebut bukan mudah untuk dilaksanakan. Ini memandangkan pada tahun 2009 itu juga Nurul akan menghadapi peperiksaan SPM yang penting bagi masa depannya. Namun, berkat kesungguhan dan kesabarannya Nurul berjaya mendapat keputusan SPM yang baik dan layak memasuki UiTM Melaka dalam jurusan Komunikasi Media.

Pernah juga mereka adik-beradik tinggal bersama seorang ibu saudara mereka. Namun, akhirnya mereka berpindah menyewa di Gombak kerana kasihankan ibu saudara mereka yang mempunyai tanggungan anak yang ramai. Nurul dan adik-adik memilih untuk tinggal berasingan walaupun ibu dan bapa saudara sebelah ayah dan ibu mereka begitu prihatin. Apatah lagi mereka telah pun dilatih sejak kecil agar tidak menyusahkan orang lain dan jangan suka meminta-minta walaupun berhadapan dengan kesukaran.

## Cabaran Hidup

Ternyata kehilangan kedua-dua ibu bapa dalam tahun yang sama merupakan tamparan hebat kepada Nurul adik-beradik. Cabaran hidup sebagai anak yatim piatu iaitu tanpa kasih sayang dan

perlindungan ibu bapa sememangnya sukar. Mereka memerlukan sekitar dua tahun untuk mengatasi keadaan yang sukar ini.

Bukan mudah bagi Nurul untuk menguruskan emosi adik-adiknya yang sedang meningkat remaja dan dengan pelbagai karenah. Ini kerana usia mereka masih muda dan sukar untuk mengerti hidup tanpa kasih sayang dan perlindungan daripada ayah dan ibu. Namun, Nurul berjaya memberikan mereka kefahaman tentang hakikat ketiadaan ayah dan ibu. Mereka juga berjaya disatukan agar dapat hidup bersama dan saling bantu membantu dan memberi pengukuhan antara satu sama lain.

Di samping itu, pada ketika itu pula adik-adiknya memerlukan bantuan kewangan bagi meneruskan kehidupan dan pelajaran. Memandangkan ibu bapa mereka meninggal dunia secara mengejut, Nurul dan adik-beradiknya hanya mempunyai sedikit wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) peninggalan arwah ayah untuk mereka. Nurul ada juga berusaha untuk mendapatkan sumbangan dan bantuan daripada pihak berwajib tetapi menemui kegagalan. Mungkin kerana kurang pengalaman dan tidak tahu cara yang betul untuk mendapatkan bantuan.

Sebelum meninggal dunia, arwah ayah Nurul telah mendirikan sebuah rumah di atas tanah kawannya dan telahpun menjelaskan bayaran. Namun, rumah tersebut terpaksa ditarik balik oleh pihak bank. Ini kerana kawan ayah mengkhianati kepercayaan yang diberi dan tidak melunaskan bayaran kepada pihak bank.

Sebagai anak yatim piatu, Nurul dan adik-beradiknya turut berhadapan dengan pandangan negatif segelintir masyarakat terhadap mereka. Mereka seolah-olah menganggap bahawa golongan anak yatim hanya suka meminta-minta dan tidak boleh berdikari dan berjaya. Ini menyebabkan adakalanya ketakutan dan perasaan rendah diri menguasai diri Nurul. Apatah lagi bila

melakukan kesilapan atau gagal melakukan sesuatu perkara pada kali pertama.

## Keinsafan Untuk Terus Berusaha

Dalam mengharungi segala kepayahan, timbul rasa keinsafan dalam diri Nurul. Beliau perlu gigih berusaha bagi memajukan diri dalam pelajaran di samping menjaga adik-adiknya. Pesanan ayah harus dilunaskan iaitu memastikan pendidikan mereka dibantu sehingga dapat meneruskan pelajaran sehingga ke peringkat menara gading. Walaupun sedih, namun Nurul dan adik-beradiknya menjadikan pesanan arwah ayah mereka sebagai azimat. Ini menyebabkan mereka adik-beradik bingkas bangkit untuk membina kehidupan baharu.

Keazaman Nurul pada ketika itu begitu tinggi untuk berjaya seperti orang lain dengan menggenggam segulung diploma dari UiTM. Beliau juga mendapat motivasi berterusan apabila melihat adik-adiknya dapat membesar dan belajar dengan baik. Dengan bantuan seorang rakan arwah ayah, adik-adiknya dihantar ke sekolah agama. Ketabahan adik-adik Nurul ternyata memberinya semangat untuk meneruskan kehidupan.

Akhirnya, Nurul berjaya memperoleh Diploma Komunikasi Media daripada UiTM Melaka. Kakak Nurul pula mendapat Ijazah Seni Hiasan Dalaman daripada UiTM Shah Alam manakala adik-adiknya yang lain pula terus cemerlang dalam pelajaran masing-masing. Oleh kerana Nurul dan kakaknya mengambil alih tanggungjawab sebagai ibu bapa, mereka menganggap semua kejayaan tersebut adalah milik bersama.

Nurul percaya setiap yang berlaku ada hikmah dan pengajarannya. Mereka harus terus berusaha demi kejayaan masing-masing pada masa hadapan. Berkat didikan arwah ibu

bapa, dorongan adik-beradik dan keluarga, Nurul dan kakaknya berjaya menamatkan pengajian di peringkat universiti. Berbekalkan diploma dan ijazah yang digenggam, mereka mendapat pekerjaan dan memiliki pendapatan sendiri walaupun kecil.

Nurul memulakan kerjaya sebagai seorang penyelia sebuah pasar raya dan kini berkhidmat sebagai seorang guru di Tadika Iman. Manakala kakaknya pula bekerja sebagai pereka dalaman. Pendapatan yang diperolehi cukup untuk menyara kehidupan serta pelajaran adik-beradik mereka. Buat masa ini Nurul dan kakaknya berulang alik ke tempat kerja dengan menggunakan pengangkutan awam kerana mereka belum berkemampuan memiliki kenderaan sendiri.

Setelah itu, mereka berpindah ke sebuah rumah sewa di Bandar Baru Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Di sinilah bermula fasa kehidupan baharu Nurul yang lebih tenang dan terurus bersama adik-beradiknya walaupun terpaksa berdikari pada usia yang muda. Ternyata Nurul, kakak dan adik-adiknya berjaya bangkit kembali dari kesedihan silam. Mereka dapat menerima hakikat bahawa setiap kejadian adalah ditentukan oleh Allah SWT dan hidup mesti diteruskan.

## Sumber Kekuatan

Kini sudah hampir lima tahun Nurul dan adik-beradiknya hidup sebagai yatim piatu. Bagi Nurul, arwah ibu dan ayah serta adik-beradiknya adalah sumber kekuatan utama. Ketika masih hidup, ibu bapanya telah menyediakan rumah untuk anak-anak mereka dalam persekitaran yang begitu ceria. Mereka diajar tentang kasih sayang dan kepentingan hidup bersama. Ibu dan ayah turut memberikan didikan agama yang amat bermakna untuk mereka gunakan bagi mengharungi kehidupan yang lebih baik sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Walaupun ia sudah menjadi kenangan, tetapi ia penuh pengajaran. Selama menjadi anak yatim piatu, Nurul dan adik-beradiknya sentiasa sedar serta insaf bahawa mereka kini perlu bersatu demi menghadapi hari-hari mendatang. Walaupun terdapat ujian yang menerjah dari luar dan dalam, mereka mesti bangun dan membuktikan bahawa golongan seperti mereka juga boleh berjaya seperti orang lain.

## Pedoman Untuk Semua

Bagi Nurul kunci utama kejayaan hidupnya adik-beradik setakat ini adalah mematuhi pesanan arwah ayah agar berdikari serta sentiasa hidup bersama-sama walau apapun yang terjadi. Kebersamaan ini menyebabkan mereka saling bantu membantu dan saling memberikan motivasi sesama mereka agar terus bersemangat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya.

Ini ditambah dengan didikan agama yang diberikan oleh arwah ibu bapa mereka yang menjadi faktor penting untuk memahami hakikat bagi meneruskan kehidupan. Semua ini adalah kekuatan dalaman yang telah dibina untuk menjadikan diri Nurul lebih bersedia bagi melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang ditinggalkan oleh arwah ayah dan ibunya.

Faktor luaran sepeti sokongan dan galakan keluarga sama ada di sebelah arwah ibu atau arwah ayah mereka juga amat membantu. Begitu juga dengan dorongan daripada rakan-rakan yang sentiasa memahami situasi Nurul sebagai seorang anak yatim. Namun, *"berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul"*. Semuanya bergantung atas Nurul dan kakaknya. Justeru, mereka menginsafi bahawa kejayaan hanya tiba jika mereka sendiri yang berusaha dan melakukan tindakan.

Sesungguhnya banyak kisah suka duka yang dilalui oleh Nurul dan adik-beradiknya dapat dikongsikan dengan mereka yang senasib dengannya. Nasihat Nurul kepada golongan yang senasib dengan mereka supaya terus berusaha dan jagalah amanah sebagai seorang anak. Yakinlah dengan ketentuan Allah SWT kerana segala sesuatu yang terbaik untuk hamba-hambaNya telah ditetapkan.

# KISAH 4
# ORANG KURANG UPAYA (OKU)*

Tiada siapa meminta untuk dilahirkan cacat dan kurang upaya. Namun, itulah yang terjadi kepada Omar Aziz sejak dilahirkan pada tahun 1968. Semenjak kecil beliau disahkan kurang normal kerana mengalami kesukaran untuk berjalan seperti kanak-kanak yang lain. Segala-galanya tampak nyata apabila beliau menjangkau umur 34 tahun. Omar disahkan mengidap penyakit *muscular dystropy* yang menyebabkan otot kakinya lemah, lumpuh dan akhirnya tidak dapat berjalan lagi.

Pada ketika itu, Omar yang berasal dari Lahat, Perak sudah pun mendirikan rumah tangga. Beliau mempunyai lima orang cahaya mata. Lebih memeritkan, pada masa yang sama anak sulungnya mengalami kecacatan selepas terlibat dalam sebuah kemalangan sewaktu berusia 19 tahun.

Omar menetap di salah sebuah kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur. Beliau mempunyai kemahiran komputer yang baik dan bertugas sebagai seorang jurutaip di sebuah firma guaman walaupun hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

---

* Istilah OKU juga dirujuk sebagai "Orang Kelainan Upaya", tanda pengiktirafan pada kebolehan unik dan sumbangan golongan tersebut. Penulisan ini menggunakan istilah "Orang Kurang Upaya" yang selaras dengan dokumen-dokumen penting; Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar Orang Kurang Upaya.

## Menjadi OKU

Setelah disahkan mengidap *muscular dystropy* dan lumpuh pada tahun 2002, Omar tidak dapat bergerak untuk bekerja dan mencari pendapatan seperti dahulu. Hidup Omar sekeluarga menjadi semakin kelam dan keadaan menjadi serba payah kerana satu ketika dahulu beliau mampu bekerja dan mencari rezeki sendiri. Ini menjadi satu cabaran besar buat Omar, terutamanya isteri beliau yang terpaksa menjaga dan menanggung perbelanjaan Omar.

Isteri Omar adalah tenaga pengajar di sebuah sekolah swasta. Oleh kerana terpaksa berulang alik menguruskan Omar dan anak-anak mereka yang masih kecil, isteri Omar terpaksa berhenti kerja untuk menguruskan Omar dan anak-anak mereka secara sepenuh masa. Keadaan ini berterusan hampir enam tahun sebelum Omar dapat bangkit untuk berdikari semula.

## Meniti Keinsafan

Pada tahun 2008, keinsafan mula terdetik di sanubari Omar untuk cuba bekerja semula. Semuanya bertitik tolak dari keinginan Omar untuk maju dan keazaman beliau untuk berdakwah. Berbekalkan motivasi dan sokongan isteri serta anak-anak, Omar meneroka dunia internet untuk memulakan kerjaya baharu beliau dan gerakan dakwah yang beliau gemari. Beliau mahu berdakwah dan menyumbang sesuatu yang berguna untuk masyarakat.

Untuk itu, Omar menyewa sebuah kedai milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan membangunkan perniagaan yang dinamakan sebagai AA Microsystem. Pada awalnya, ia menawarkan khidmat kafe siber yang kemudiannya turut menjadi sebuah pusat tuisyen dan kelas mengajar komputer.

Melalui kafe siber miliknya ini, Omar mula memainkan peranan aktif dengan berdakwah secara maya. Omar berasa sangat gembira kerana dapat kembali memenuhi tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga dengan mencari nafkah. Isteri dan anak-anak Omar pula sentiasa menjadi pendorong kepada beliau untuk terus berusaha. Di samping itu, Omar dapat juga melakukan sesuatu yang amat diminatinya iaitu berdakwah kepada ummah.

## Mengorak Langkah

Hari ini Omar merupakan seorang pendakwah yang aktif bersama kumpulan Dakwah Orang Asli (DOA) yang turut melibatkan seluruh ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak beliau. Walaupun beliau hanya berperanan di hadapan komputer sesuai dengan keupayaan yang ada, beliaulah yang menyunting dan membangunkan *facebook* (FB) serta video aktiviti pasukan DOA.

Bagi Omar keupayaan beliau menyewa kedai DBKL bagi memulakan perniagaan kafe siber dan kelas komputer adalah satu kejayaan. Ini ditambah lagi dengan sumbangan beliau melalui aktiviti dakwah menerusi ruang siber. Kemahiran beliau dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sepenuhnya. Semua ini adalah sebahagian daripada kisah kejayaan yang beliau sendiri tidak pernah impikan sebelum ini.

## Mengharungi Cabaran

Namun, *"yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek"*. Semuanya mesti diusahakan oleh Omar. Apatah lagi dengan keadaan dirinya sebagai seorang OKU bukanlah sesuatu yang mudah kerana sebahagian anggota masyarakat masih kurang prihatin terhadap golongan OKU. Pelbagai cabaran dan suka duka

terpaksa dilalui untuk meneruskan kehidupan dan mencapai kejayaan.

Cabaran paling besar adalah diri sendiri. Bayangkan, setelah sekian lama hidup sempurna, boleh berjalan dan bekerja, tiba-tiba itu semua sudah tidak mampu dilakukan lagi akibat hilang keupayaan. Sekuat mana pun seseorang itu, dia pasti tertekan dari sudut emosi dan mental. Omar mengambil masa yang agak lama untuk  bangkit dari tekanan perasaan ini dan mengatasi halangan mental tersebut. Itupun hasil bantuan dan dorongan isteri serta anak-anak yang tidak pernah putus.

Pada peringkat awal sebagai OKU, Omar juga terpaksa mengabaikan tanggungjawabnya mencari nafkah. Isteri pula agak sukar untuk bekerja kerana perlu menjaga Omar. Manakala untuk mengharapkan anak-anak keluar bekerja pula adalah mustahil kerana mereka masih kecil. Sudah tentu Omar sekeluarga mengalami tekanan kewangan. Namun, Omar masih beruntung kerana masih ada sedikit simpanan wang di samping bantuan daripada pihak kerajaan. Tambahan pula isterinya tetap sabar dan amat memahami keadaan beliau.

Sebagai seorang OKU juga, Omar mendapati kemudahan untuk golongan sepertinya amat terbatas. Misalnya, masih banyak tempat awam yang tidak menyediakan ruang untuk kemudahan bagi golongan OKU yang berkerusi roda. Bayangkan OKU seperti dirinya perlu menaiki anak tangga untuk ke tingkat atas yang mana mustahil untuk dilakukan. Pada masa yang sama tidak semua premis menyediakan tandas yang sesuai untuk golongan OKU. Malah, kemudahan parkir untuk OKU juga tidak mencukupi dan sering pula diambil oleh mereka yang mempunyai keadaan fizikal yang sempurna.

Omar juga berhadapan dengan pandangan serong masyarakat. Golongan OKU dilihat sebagai golongan yang meminta-minta dan tidak mampu melakukan apa-apa kerja.

Oleh kerana itu tidak banyak peluang pekerjaan yang sesuai dan berbaloi untuk golongan OKU sehingga menyukarkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Timbul juga dibenak Omar mahu sahaja beliau mengurung diri di rumah daripada menghadapi orang ramai yang sering salah faham dan memandang sinis terhadapnya. Namun, sikap negatif tersebut dibuang jauh-jauh. Omar mahu membuktikan kepada mereka semua bahawa beliau boleh bekerja sendiri mencari nafkah, malah mampu pula memberi sumbangan bermakna untuk kebaikan masyarakat.

## Pedoman Untuk OKU

Kemampuan Omar untuk bangkit kembali amat mengagumkan. Beliau berjaya menggabungkan kemahiran beliau dalam ICT dan minatnya dalam dakwah untuk meneroka peluang dan pendapatan baharu. Di samping menjana pendapatan untuk keluarga, ia dapat pula memberi sumbangan kepada masyarakat.

Pesanan Omar buat rakan-rakan OKU yang lain agar mereka semua dapat meneguhkan semangat dan mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan sesuatu yang diminati dan bermanfaat. Walaupun wujud sedikit kekurangan akibat kurang upaya seseorang itu mampu bangkit kembali untuk meneruskan usaha dan mencipta kejayaan.

Omar yakin setiap insan termasuk golongan OKU pasti dikurniakan kelebihan tertentu oleh Allah SWT. Oleh itu, kenal pasti kelebihan tersebut dan gilaplah ia agar dapat memancarkan manfaat untuk diri sendiri dan orang di sekeliling. Contohnya, Omar dan anaknya yang juga seorang OKU dikurniakan kelebihan dan pengetahuan menggunakan komputer. Kelebihan tersebut dikembangkan lalu dapat dimanfaatkan oleh Omar sendiri,

keluarganya dan masyarakat melalui gerakan dakwah yang dilaksanakan.

Omar juga menggesa semua rakan OKU agar menetapkan satu matlamat yang ingin dicapai. Contohnya, beliau berkeinginan melakukan kerja dakwah. Ini kerana mana kita jelas akan matlamat tersebut kita akan berusaha sehabis baik mengikut keadaan dan kemampuan diri sendiri untuk mencapainya.

Pada masa yang sama binalah kekuatan dalaman sendiri. Ini dilakukan dengan sentiasa mendapatkan dorongan dan sokongan isteri serta anak-anak. Paling penting adalah berdoa kepada Allah SWT bagi memohon petunjuk, kemudahan dan kejayaan. Allah yang menentukan setiap perkara dan Dia Maha Mengetahui apa yang terbaik buat kita semua. Sentiasa bersedia dan berlapang dada dengan setiap ujian Allah kerana setiap kejadian ada hikmahnya. InsyaAllah, ia akan membuatkan kita lebih dekat kepadaNya dan semakin hampir dengan kejayaan.

# KISAH 5
# KESALAHAN JUVANA

Kisah manusia sewaktu usia remaja tidak sama. Ada pelbagai kisah suka dan duka yang boleh dikenang dan lebih mendewasakan kita. Namun, ada kalanya terdapat pula mereka yang telah menempuh episod hitam dalam hidup, lantas menjadi pengajaran pahit sepanjang hayat.

Inilah kisah yang telah ditempuh oleh Mimi, seorang gadis Melayu dalam mengharungi pancaroba kehidupan. Mimi terlibat dalam kesalahan juvana pada usia muda sehingga tiba saat hidayah Allah SWT mengetuk pintu hatinya lalu berubah menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

## Gadis Yang Sederhana

Mimi dilahirkan pada tahun 1990 di Kuala Lumpur hasil perkongsian hidup ayah dan ibunya. Keluarga Mimi sederhana mewah sahaja. Ayah Mimi berusia 47 tahun dan bekerja sebagai pengurus kanan di salah sebuah syarikat yang terkemuka di Lembah Klang. Ibu Mimi yang seusia dengan ayahnya pula bertugas sebagai pengurus kanan di sebuah syarikat swasta. Namun, jodoh mereka tidak panjang. Ibu dan ayah Mimi bercerai pada tahun 2008 ketika beliau berusia 16 tahun.

Mimi merupakan anak sulung daripada enam orang adik-beradik seibu dan sebapa iaitu; dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Adik-beradiknya lebih suka memanggil beliau sebagai kakak. Mimi mendapat pendidikan rendah dan menengah di Pekan, Pahang. Beliau mempunyai kelulusan sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sebenarnya, ayah Mimi mempunyai tiga orang isteri dan sembilan orang anak sebelum perceraian berlaku dengan ibunya. Selepas perceraian, Mimi dan adik-beradiknya tinggal bersama ayah mereka di Selayang, Selangor. Namun, ada waktunya beliau akan bertandang ke rumah ibunya di Klang, Selangor untuk melepaskan rindu sebagai seorang anak.

Mimi pada asalnya seorang gadis yang berperwatakan lincah, suka cabaran dan lasak serta ceria. Namun, semenjak kecil sehingga usia 16 tahun, Mimi kurang mendapat tumpuan dan kasih sayang daripada ayah dan ibunya. Mereka begitu sibuk bekerja mencari nafkah untuk keluarga sehingga melupakan tanggungjawab membelai anak-anak.

Mimi bersama adik-beradiknya lebih merasai kasih sayang daripada seorang pembantu rumah yang berasal dari Indonesia. Namun pada tahun 2006, Bibik Liah telah pulang ke Indonesia atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Rupa-rupanya ia adalah perpisahan buat selama-lamanya kerana Bibik Liah meninggal dunia di Indonesia.

Semenjak itu Mimi merasa amat kehilangan. Tiada lagi tempat untuk mengadu masalah dan menagih kasih sayang. Masalah rumah tangga yang berlaku antara ibu dan bapanya telah membuat diri beliau semakin tertekan. Ini membuatkan Mimi berubah menjadi seorang remaja yang ganas, agresif, panas baran, suka memberontak, cepat menangis dan kadangkala cukup emosional.

## Episod Hitam Bermula

Segalanya bermula pada tahun 2006 ketika usia Mimi mencecah 14 tahun. Kehilangan insan yang cukup bermakna dalam hidupnya sebagai tempat bergantung kasih walaupun hanya seorang pembantu rumah cukup menghiris perasaan. Ditambah pula dengan sikap tidak kisah ibu bapanya yang berasa sudah cukup menunaikan tanggungjawab mereka dengan hanya menyediakan keperluan hidup dan pendidikan Mimi sahaja.

Ayahnya lebih suka marah-marah jika Mimi membuat kesalahan tanpa memberi peluang untuk beliau memberi sebarang penjelasan. Ibu bapa Mimi ternyata kurang menyelami perasaannya sebagai anak dan tidak mahu mendengar masalah peribadinya menyebabkan beliau dahagakan kasih sayang dan mula bosan berada di rumah. Sikap memberontak dalam dirinya yang telah dipendam semenjak zaman kanak-kanak lagi sudah tidak dapat dibendung lagi. Ini membuatkan Mimi mencari kebebasan hidup di luar rumah.

Kini, Mimi bebas berbuat apa sahaja yang dihajati bersama-sama rakan-rakan yang tinggal satu taman perumahan dengannya serta mempunyai minat dan kecenderungan yang sama. Ibunya pula seorang yang tidak kisah dan sentiasa memberi apa sahaja yang dimintanya. Pergaulan bebas dengan rakan-rakan yang senasib dengan dirinya, dirasakan amat membahagiakan. Mereka melakukan pelbagai aktiviti tidak bermoral tanpa batasan seperti melepak, merempit, mengikut kawan-kawan bergaduh, mempunyai ramai teman lelaki, berkaraoke, mengunjungi disko, membantu kawan mendapatkan dadah dan balik lewat malam sehingga jam tiga atau empat pagi. Namun begitu, Mimi tidak pernah merokok, minum arak dan mengambil dadah seperti rakan-rakan sebayanya yang lain.

Keadaan Mimi menjadi semakin tidak terkawal. Apabila umurnya mencecah 19 tahun Mimi semakin liar. Akhirnya, akibat pujuk rayu seorang teman lelaki, Mimi terlanjur buat pertama kali. Pengalaman terlanjur ini berterusan dan berulang-ulang dengan teman lelaki yang sama. Namun, ia tidak habis di situ sahaja, Mimi juga kerap bertukar-tukar pasangan untuk melakukan hubungan seks. Sungguhpun beliau tahu bahawa mereka hanya inginkan tubuhnya sahaja.

Memandangkan keadaan Mimi yang semakin liar, ayah dan ibu telah memaksanya masuk ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada bulan Mac 2010. Semua keistimewaan yang pernah dimiliki sebelum ini seperti kereta, kad kredit dan lain-lain telah ditahan oleh ayahnya jika beliau tidak mahu masuk sebagai pelatih di Baitul Ehsan MAIS.

Mimi terpaksa mengalah demi mendapatkan semula keistimewaan tersebut. Beliau mengikuti program yang disusun di Baitul Ehsan selama hampir empat bulan sehingga Jun 2010. Pernah juga terlintas di hati Mimi untuk melarikan diri dari pusat tersebut, namun hasrat tersebut dibatalkan.

Ketika berada di pusat ini, baharulah Mimi tahu bahawa ada insan lain yang lebih teruk keadaan mereka jika dibandingkan dengan dirinya. Namun, ia tidak mendatangkan rasa keinsafan dalam diri Mimi. Beliau beranggapan pusat perlindungan tersebut sama seperti tempat-tempat atau kursus-kursus motivasi lain yang pernah dihadirinya. Ayahnya mahu Mimi berubah menjadi lebih baik tetapi semua itu tidak mendatangkan apa-apa kesan kesedaran walaupun sedikit.

## Saat Keinsafan

Setelah keluar dari Baitul Ehsan MAIS, Mimi masih tidak berubah. Akibat termakan dengan pujuk rayu teman lelaki pertamanya, beliau masih terlibat dengan aktiviti seks. Lama-kelamaan, Mimi telah mengajak teman lelaki berkahwin tetapi malang ajakan tersebut seperti tidak diendahkan.

Mimi juga pernah berjumpa dengan keluarga teman lelakinya untuk berkenalan dan mendapatkan restu. Namun, ibu teman lelakinya menyatakan anaknya telah mempunyai teman wanita lain. Perkhabaran itu, membuatkan Mimi merasa agak kecewa. Semenjak itu, Mimi mula terfikir sampai bilakah beliau harus terus hidup bergelumang dengan dosa dan maksiat?

Allah SWT adalah sebaik-baik perancang. Akhirnya, berkat doa yang tidak putus-putus daripada ayah dan ibunya, pada pertengahan tahun 2012, beliau betul-betul sedar dan insaf. Pada suatu malam, Mimi mengalami mimpi di mana badannya dibakar. Mimpi tersebut menginsafkan Mimi dan bertekad untuk berubah dan berusaha bersungguh-sungguh meninggalkan segala maksiat yang pernah dilakukannya selama ini.

Mimi berusaha untuk mengubah dirinya menjadi lebih baik dengan mula berhijab, menutup aurat, berpakaian labuh, mendirikan solat dan meninggalkan terus teman lelakinya. Mimi juga mula berjinak-jinak dengan melakukan kerja-kerja amal dan kebajikan melalui persatuan belia. Selain itu, beliau juga mengikuti program-program motivasi, kelas pengajian tahfiz, program modal insan cemerlang, Muslimah berjaya dan pelbagai program keagamaan lain.

Mimi turut terlibat dengan program-program yang dianjurkan oleh Baitul Ehsan MAIS. Penglibatan beliau dalam aktiviti-aktiviti tersebut telah banyak membantu dirinya berubah sedikit demi sedikit. Usaha yang konsisten tersebut dapat mengubah dirinya

untuk lebih berjaya dalam hidup sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Dalam tempoh masa enam bulan tersebut, Mimi dapat merasakan suatu nikmat ketenangan yang berbeza sama sekali berbanding sewaktu dirinya berada dalam zaman kegelapan dahulu. Perubahan paling ketara yang beliau rasai setelah insaf ialah beliau mendapat kepercayaan yang semakin tinggi daripada ahli-ahli keluarga terutama ayah dan ibunya.

Jika dahulu ayah atau ibunya pasti akan marah-marah jika Mimi ingin bercakap dengan mereka. Namun, sekarang semua telah berubah, ibu atau ayah lebih suka mendengar cerita dan luahan hatinya. Setiap masalah yang dihadapinya akan dikongsi bersama ayah atau ibu. Mereka tidak jemu mendengar dan memberi pandangan yang berguna untuk dirinya.

Ketika terlibat dengan pelbagai kesalahan juvana ini, Mimi sedang meneruskan pengajian di sebuah Kolej Komuniti dalam Sijil Pengurusan Hotel sekitar tahun 2008 hingga 2010. Kemudian, politeknik pula menjadi pilihan hatinya untuk menyambung pengajiannya ke peringkat diploma dalam jurusan yang sama, namun hanya separuh jalan sahaja. Beliau berhenti mengikuti kursus berkenaan disebabkan lebih berminat terhadap bidang automotif.

Pada penghujung tahun 2011, Mimi melanjutkan pengajiannya di International College Automotive Malaysia (ICAM) dalam bidang Diploma Automotive Management Systems dan berjaya menamatkan pengajian pada bulan Februari 2014.

## Mula Mengorak Langkah

Pada tahun 2013, Mimi berkenalan dengan seorang duda

yang diatur oleh arwah kakak angkatnya. Perkenalan ini telah membawa Mimi ke jinjang pelamin. Beliau berasa amat bersyukur walaupun setelah menceritakan segala kisah lampau kepada bakal suami, namun dirinya tetap diterima. Suami Mimi banyak membantunya dengan memberi sokongan moral agar Mimi terus berubah. Suaminya selalu memberi bimbingan melalui solat berjemaah dan sebagainya. Hal ini telah menambahkan semangat Mimi untuk menjadi manusia yang lebih berguna untuk diri sendiri dan orang lain.

Kini, bersandarkan kelulusan diploma bidang automotif, Mimi bekerja sebagai seorang pembantu jurutera di salah sebuah syarikat terkemuka di Nilai, Negeri Sembilan. Perkembangan ini membuatkan Mimi merasa cukup bahagia dengan kehidupannya sekarang. Pengalaman pahit masa silam telah dapat diubati hasil perkongsian hidup bersama pasangan hidupnya yang baharu dibina pada bulan November 2013 yang lalu.

Kehidupan Mimi kini menjadi lebih tenang dan rezeki yang datang melimpah ruah. Perbezaannya, dulu beliau sering ditimpa pelbagai masalah sama ada peribadi, keluarga, kawan, kesihatan mahupun kewangan. Namun, sekarang segala urusannya dipermudahkan dan beliau merasa lebih bahagia bersama suami tersayang.

Mimi juga merupakan salah seorang pengasas yang bertanggungjawab menubuhkan Persatuan Alumni Bes Solehah secara rasmi pada April 2014. Ahli-ahli persatuan ini terdiri daripada bekas-bekas pelatih di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan MAIS. Sekarang ini, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung dalam persatuan tersebut. Tujuan persatuan berkenaan adalah untuk membantu pelatih-pelatih atau remaja yang bermasalah kembali ke pangkal jalan melalui perkongsian pengalaman.

Pengalaman lalu telah mengajar beliau menjadi seorang insan yang lebih matang dan berfikiran rasional dalam apa jua situasi yang dihadapinya. Senyuman manis di bibir Mimi kini membuatkan sesiapa yang menghampiri dan mengenalinya, akan terasa kemesraan dan keikhlasan beliau untuk membantu para remaja yang memerlukan.

Ternyata Pusat Perlindungan Baitul Ehsan MAIS telah memainkan peranan yang besar dalam membantu Mimi untuk berubah. Selain itu, sokongan padu yang dimainkan oleh ibu, bapa, suami dan kawan-kawan telah mempercepatkan lagi proses perubahan dalam dirinya. Beliau mula bergaul dengan orang-orang yang berilmu, beragama dan berakhlak mulia.

## Pesanan Buat Semua

Mimi berpesan kepada semua remaja agar tidak mudah kalah dengan tuntutan dan kehendak hawa nafsu akibat pengaruh rakan. Bila sudah terjebak menjadi satu cabaran besar untuk berubah kerana bukan mudah untuk mengawal hawa nafsu dan keseronokan.

Beliau menggesa agar semua remaja memanfaatkan zaman muda mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Jangan mudah terpedaya dengan rakan-rakan yang boleh mendorong kepada perkara-perkara yang negatif. Hormatilah perasaan kedua ibu bapa. Paling penting tunaikan solat walau dalam apa jua keadaan dan dekatkan diri kepada Allah SWT dengan mendalami ilmu agama.

Pesanan beliau kepada para ibu bapa pula, didiklah anak-anak dengan penuh kasih sayang yang sebenar. Terapkan ilmu dan kefahaman agama Islam yang kukuh kepada anak-anak dari peringkat awal lagi. Pada masa yang sama sentiasalah memantau

kegiatan anak-anak supaya mereka tidak terjebak dengan pengaruh rakan sebaya yang negatif.

Mimi menegaskan beberapa perkara perlu ada dalam diri seseorang individu untuk menjadi '*a better person*'. Pertama, memiliki ilmu pengetahuan yang berguna untuk diri sendiri dan orang lain. Kedua, mendidik diri untuk bersabar dalam apa jua keadaan pun. Ketiga, cuba sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada melakukan dosa-dosa kecil dan menghindarkan diri daripada melakukan dosa-dosa besar. Keempat, berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri sendiri dengan melibatkan diri dalam program ilmiah dan program muhasabah diri. Dan yang terakhir, sentiasa berdoa agar hati dan iman sentiasa teguh. InsyaAllah diri akan sentiasa dirahmati dan dipermudahkan urusan hingga ke akhirnya.

# KISAH 6
# GENGSTERISME

Daniel tidak pernah menduga pada suatu hari nanti beliau memulakan hidup baharu sebagai seorang Islam. Setelah bertahun-tahun bergelumang dengan kegiatan gengsterisme dan jenayah kongsi gelap, akhirnya hidayah mengetuk pintu hatinya lalu berubah menjadi insan lebih berguna. Bila mengenang semua dosa dan jenayah yang telah dilakukan, Daniel terasa sebak dan bersyukur kerana masih ada kesempatan untuk beliau mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Daniel yang berketurunan Iban dilahirkan pada tahun 1985. Keluarganya berasal dari Miri, Sarawak. Beliau adalah anak kelima daripada enam orang adik-beradik. Ketika usia Daniel mencecah 12 tahun, mereka sekeluarga berpindah ke Semenanjung dan menetap di Kajang. Di situ Daniel meneruskan persekolahan dan mula mengenali dunia gengster.

## Episod Gelap Bermula

Pada tahun 2001, bermulalah episod gelap dalam hidup Daniel. Ketika itu umur Daniel baharu mencecah 16 tahun, namun beliau sudah mula terlibat dengan aktiviti-aktiviti gengsterisme. Seawal usia itu, Daniel terpaksa berhenti sekolah kerana menghadapi pelbagai masalah disiplin akibat sering bergaduh.

Sejak itu Daniel semakin liar. Beliau sentiasa rasa mahu mencuba perkara baharu, ingin bebas dan berkuasa. Bersama sepuluh rakan baiknya, Daniel kerap mengunjungi kelab-kelab malam di sekitar Kuala Lumpur. Dari situ beliau mula mengenali kumpulan-kumpulan gengster yang biasanya berkumpul dan bergaduh sesama mereka di kelab-kelab malam. Inilah punca awal Daniel mula terlibat dengan kumpulan-kumpulan samseng ini.

Pada suatu malam, Daniel dan rakan-rakannya terlibat dengan satu pergaduhan besar di sebuah kelab malam di Kuala Lumpur akibat salah faham dan mabuk. Pergaduhan ini melibatkan Daniel dan sepuluh rakannya berlawan dengan 100 orang ahli kumpulan gengster. Sudah tentu kumpulan Daniel kalah dan terpaksa balik ke Kajang dengan perasaan malu.

Namun, Daniel tidak berpuas hati. Kali ini beliau datang semula ke Kuala Lumpur mencari ketua kumpulan gengster tersebut yang bergelar Abang Long KL. Setelah seminggu mencari, akhirnya berjumpa dan mereka bersetuju agar pertikaian sebelum ini diselesaikan dengan perlumbaan dua buah kereta milik kumpulan masing-masing. Namun pada waktu pertemuan, kereta Daniel dirampas oleh kumpulan gengster tersebut. Beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka membawa pengikut yang ramai.

Daniel berasa marah dan ingin membalas dendam. Kali ini beliau menghasut ketua gengster Abang Long Kajang, kononnya kumpulan gengster Kuala Lumpur mengejek mereka sebagai penakut. Ini menyebabkan Ketua Gengster Kajang marah dan bersedia untuk 'turun' ke Kuala Lumpur.

Satu perbincangan diadakan di antara dua kumpulan gengster tersebut dan hasilnya geng Kuala Lumpur mengaku anak buahnya bersalah. Sebagai balasan mereka membuat kenduri besar menjamu geng Kajang dengan menumbangkan seekor lembu dan kereta Daniel dipulangkan semula. Daniel juga diberi kelebihan

masuk ke kelab malam secara percuma dan boleh membawa lima rakan yang lain. Ini membuka peluang kepada Daniel untuk mendapatkan wang dengan mengenakan caj RM10 hingga RM15 kepada mereka yang mengikutnya masuk ke kelab-kelab malam.

## Sisi Gelap Dunia Gengster Dan Kongsi Gelap

Bertolak dari detik itu, Daniel semakin dikenali kerana keberaniannya dan sikap suka bergaduh. Rutinnya seperti pengunjung kelab malam yang lain iaitu berkaraoke, merokok, minum arak sehingga mabuk, mengambil dadah dan bergaduh. Pernah terjadi peristiwa Daniel bergaduh dengan seorang "Mat Salleh" yang menyebabkan beliau menghilangkan diri selama enam bulan kerana diburu oleh pihak polis.

Ini menyebabkan Daniel beralih arah dengan mendaftar menjadi ahli sebuah persatuan. Namun, aktiviti persatuan ini kurang menarik perhatiannya kerana hanya meminta wang perlindungan dalam jumlah yang sedikit dan terlibat dalam pergaduhan biasa sahaja.

Enam bulan kemudian Daniel membuat keputusan untuk menyertai kumpulan kongsi gelap yang sebenar dan lebih berkuasa. Pada tahun 2005 ketika berusia 20 tahun, Daniel bersama beberapa orang rakan mendaftar sebagai ahli sebuah kumpulan kongsi gelap di selatan Thailand.

Sewaktu menjadi ahli kumpulan ini pelbagai aktiviti jenayah Daniel lakukan. Meminta wang perlindungan (“makan pau”) adalah perkara biasa. Mereka memeras setiap pemandu bas di Kuala Lumpur dan boleh meraih pendapatan antara RM36 hingga RM77 sehari. Bagi kedai snuker, pusat permainan, kelab malam dan disko pula, jumlah wang “makan pau” diperoleh antara RM360 hingga RM770 dan RM3,600 hingga RM7,700 sehari.

Daniel juga pernah merampas kereta dan barang-barang yang bernilai RM36,000, mengedar dadah dalam kuantiti yang besar, menggunakan dadah untuk diri sendiri, menyediakan perkhidmatan pelacur *("bapa ayam")* dan menyamun sebuah lori treler.

Namun, *"sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga"*. Sewaktu menyamun sebuah kilang elektronik di Petaling Jaya, Daniel ditangkap polis bersama empat orang rakan lain. Beliau dituduh sebagai *master mind* tetapi tidak mengaku. Selepas empat hari melalui proses soal siasat yang menyeksakan, Daniel akhirnya dilepaskan kerana pihak polis tidak cukup bukti.

Peristiwa tersebut tidak menginsafkan Daniel. Beliau hanya serik untuk menyamun tetapi beralih pula pada aktiviti pengedaran dadah jenis pil, kokain dan syabu selama enam hingga tujuh tahun. Daniel kerap kali juga ditangkap polis tetapi dibebaskan kerana tiada bukti dadah bersama-sama beliau.

Dalam pada itu, beliau bertemu jodoh dan berkahwin dengan seorang wanita Melayu dari Johor. Isterinya tahu kegiatan Daniel sebelum berkahwin lagi dan sering menasihati beliau agar mencari pekerjaan lain, tetapi tidak diendahkan. Malah, sehingga kelahiran anak pertama pun, Daniel masih mengedar dadah lagi.

Pada tahun 2009, akhirnya Daniel tertangkap di Kuantan, Pahang dengan jumlah dadah yang banyak sehingga boleh membawa hukuman ke tali gantung. Namun, beliau bernasib baik kerana pihak polis bersetuju untuk menukar kesalahan daripada pengedar kepada penagih dadah. Daniel hanya disabitkan dengan kesalahan tersebut serta dijatuhkan hukuman penjara selama empat hari dan didenda RM1,500 sahaja.

## Detik Keinsafan Menjelma

Selepas keluar dari penjara timbul rasa letih dalam hidup Daniel dan takut pada dunia bebas di luar. Beliau mula insaf atas apa yang telah dilakukan. Atas desakan isteri dan memandangkan anak perempuan sulungnya yang mula membesar, beliau tidak lagi mengedar dadah tetapi hanya menggunakannya untuk diri sendiri. Duit simpanan digunakan untuk meneruskan kehidupan bersama anak dan isteri.

Pada penghujung tahun 2011, isteri Daniel mencadangkan mereka balik ke Johor kerana hampir kehabisan wang. Beliau tidak bekerja selama setahun sambil berusaha meninggalkan terus najis dadah walaupun terasa amat payah. Ibu dan ayahnya baharu mengetahui kegiatan yang dilakukan Daniel selama ini. Pun begitu hubungan mereka anak-beranak tetap baik.

Setelah hampir sepuluh tahun berlalu, Daniel semakin insaf. Pada tahun 2012, berlaku peristiwa yang sentiasa beliau ingati. Pada waktu itu Daniel amat memerlukan wang untuk keperluan keluarga. Adik kandungnya yang telah memeluk Islam mencadangkan supaya beliau memohon bantuan kecemasan di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kajang. Beliau menerima bantuan kecemasan sebanyak RM3,000 sebagai seorang mualaf.

Daniel amat berterima kasih dengan bantuan yang diterima dan terlintas di hatinya untuk membalas balas jasa baik yang dihulurkan oleh Unit Mualaf MAIS. Beliau amat tersentuh dengan kebaikan yang ditunjukkan oleh pegawai MAIS yang menguruskan bantuannya. Bermula dari situ, hati Daniel terbuka untuk mengikuti Kursus Intensif Mualaf Asas di Pantai Remis, Jeram dan kemudiannya beliau mengikuti pula Kursus Perkaderan Asas di Nur Lembah Pangsun.

Pengisian kursus-kursus tersebut mengukuhkan kefahaman Daniel untuk lebih mengenali Islam dan mengubah diri sendiri. Kursus Perkaderan Dakwah Asas MAIS yang diikutinya benar-benar menerbitkan rasa penyesalan dan keinsafan dalam dirinya. Daniel cukup sedar atas keterlanjurannya sebelum ini dan dapat merasakan kasih Allah SWT terhadap dirinya serta pintu pengampunan sentiasa terbuka asalkan beliau sanggup berubah dan sedia kembali ke pangkal jalan.

## Menikmati Cahaya Kehidupan

Kini pada usia 29 tahun, Daniel menikmati erti cahaya dan ketenangan hidup yang sebenar. Ia amat berbeza setelah menerima hidayah daripada Allah SWT berbanding dengan sewaktu hidup pada zaman kegelapan dahulu. Tiada lagi rasa ketakutan diburu oleh pihak polis malah berasa hidup yang bahagia di samping keluarga tercinta. Walaupun kini berpendapatan kecil, namun ia rezeki yang halal dan mencukupi buatnya sekeluarga.

Daniel terus mendampingi dan dikelilingi oleh orang-orang yang beragama dan berakhlak. Beliau mahu mengenali Islam dengan lebih mendalam lagi lantas mengikuti program persijilan di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS). Berkat kemahuan diri sendiri yang kuat, Daniel berjaya mendapat Sijil Program Pengajian Mualaf di ILDAS dan merancang pula untuk mengambil Diploma Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## Pengajaran Buat Semua

Bila menoleh kembali ke belakang, Daniel merasakan amat perit liku-liku kehidupan yang telah dilaluinya akibat kejahilan dan

hanya tahu mengikut hawa nafsu sahaja. Pujukan daripada rakan-rakan gelap sentiasa ada yang mana jika termakan dengan janji-janji mereka, boleh terus membinasakan diri sendiri serta keluarga.

Daniel amat bersyukur kerana terselamat daripada diburu oleh kumpulan kongsi gelap yang pernah dianggotainya kerana melanggar perjanjian keluar daripada kumpulan. Ini kerana ramai rakannya yang dahulu sama-sama terlibat melakukan jenayah, telah memegang jawatan tinggi dalam kumpulan gengster masing-masing.

Sesungguhnya untuk bangkit dari cabaran hidup ini bukanlah mudah. Justeru, keinsafan, kekuatan dan perubahan mesti datang dari dalam diri sendiri. Ia harus dibina secara beransur-ansur. Mesti ada niat yang ikhlas dan kesungguhan untuk berubah menjadi lebih baik serta mampu memberi manfaat kepada orang lain.

Sesungguhnya detik yang dilaluinya mengajar Daniel agar lebih bersabar dengan ujian yang Allah SWT tentukan ke atas dirinya. Beliau sedar semua manusia diuji, sama ada dengan amal kebaikan apatah lagi dengan keburukan yang dilakukan.

Kepada para remaja di luar sana, Daniel mengingatkan agar berhati-hati memilih teman. Kita perlu tahu tahap kemampuan untuk mengawal diri daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak baik. Berusahalah untuk menghindari daripada perkara-perkara yang boleh mempengaruhi diri sehingga terhumban ke lembah yang hina.

Pada masa yang sama carilah pendorong atau contoh teladan untuk berubah. Bagi Daniel, di samping diri sendiri, isteri, anak dan kedua ibu bapanya adalah penyokong kuat perubahan pada diri beliau. Merekalah insan paling gembira dengan perubahan yang membawa sinar baharu dalam kehidupan Daniel hari ini.

# KISAH 7
# KEMISKINAN

Lahir dalam keluarga yang miskin bukanlah satu pilihan, tetapi itulah suratan takdir yang terpaksa ditempuh oleh Roha. Emak dan abah Roha memang berasal daripada keluarga yang susah. Latar belakang mereka hampir sama iaitu kedua-duanya anak sulung yang kehilangan ibu sejak kecil dan dibesarkan oleh ibu tiri yang mempunyai hubungan kurang baik dengan mereka.

Roha dilahirkan di Perak pada tahun 1970 dan kini menetap di Shah Alam. Beliau adalah anak keempat daripada sembilan orang adik-beradik; tujuh orang perempuan dan dua orang lelaki. Sejak kecil lagi mereka hidup susah dan sudah biasa dengan kemiskinan. Tambahan pula memiliki ahli keluarga yang agak ramai dan masih kecil, memang menyulitkan lagi keadaan.

Arwah abah Roha walaupun belajar setakat darjah enam, tetapi adalah seorang yang bijak. Akibat hubungan dengan ibu tiri yang kurang baik, abah merantau membawa diri dan belajar berniaga dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Arwah emak pula tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Apabila bertemu jodoh, mereka hidup dengan apa sahaja yang ada. Walaupun abah dan emak memiliki harta warisan, namun mereka melepaskannya kerana tidak suka terlibat dengan perebutan harta pusaka. Abah dan emak Roha lebih rela hidup miskin daripada menyusahkan orang lain atau berebut-rebut harta pusaka.

## Mengharungi Kepayahan Hidup

Lebih sepuluh tahun Roha adik-beradik mengharungi kepayahan hidup miskin, iaitu sejak kecil hinggalah mereka dewasa dan mampu bekerja. Sepanjang tempoh itu Roha menyaksikan pelbagai kepayahan keluarga, di samping kesungguhan dan kesabaran abah dan emak beliau membesarkan mereka.

Abah Roha hanyalah peniaga di kaki lima dan pasar malam. Emak pula seorang suri rumah yang tekun membantu abah menambah pendapatan. Untuk itu, emak Roha selalu membuat kuih-muih untuk dijual di sekolah. Emaknya juga mengambil upah turun ke sawah sambil dibantu oleh kakak dan abang. Di samping itu, emak Roha turut membuat kerja-kerja sampingan yang lain termasuklah menganyam tikar mengkuang dan membuat keropok untuk dijual serta mengambil upah menjahit. Ringkasnya, emak Roha melakukan segala macam pekerjaan yang sesuai untuk membantu abah.

Matlamat abah dan emak Roha adalah mahu memastikan Roha dan adik-beradik bersekolah. Walaupun susah, mereka mesti bersekolah sebab mereka mahu melihat anak-anak berjaya dan hidup senang kelak. Roha amat memahami situasi ini. Oleh itu, mereka tidak kisah menjual kuih di sekolah dan memakai kasut koyak serta baju yang lusuh. Apa yang pasti sepanjang tempoh hidup dalam kemiskinan, mereka sentiasa melakukan kerja-kerja yang berfaedah.

## Meniti Keinsafan

Sebenarnya semenjak kecil lagi rasa keinsafan atas kedaifan hidup keluarga telah lama berputik dalam diri Roha. Setiap hari mulai jam empat atau lima pagi abah dan emak Roha sudah bangun untuk beribadah dan bersiap sedia untuk mencari nafkah hidup.

Mereka bekerja keras demi mengubah keadaan keluarga. Namun, ia bukan sesuatu yang mudah sebab emak dan abah tidak memiliki pendidikan yang tinggi. Tambahan pula anak ramai dan masih kecil untuk membantu.

Biasanya abah akan menghantar Roha ke sekolah sesudah subuh. Hanya Roha seorang yang tiba ke sekolah ketika hari masih gelap. Bila meningkat sedikit dewasa, Roha akan ke sekolah dengan berjalan kaki. Abah beliau memang tidak mampu membelikan basikal untuk setiap orang anaknya. Maka Roha, kakak dan abang yang lebih besar terpaksalah mengalah kepada adik-adik yang masih kecil.

Walaupun jarak dari rumah dan sekolah agak jauh, namun ia tidak mematahkan semangat Roha demi mendapatkan ilmu. Semua ini membangkitkan azam Roha untuk menjadi pelajar cemerlang sehingga selalu mendapat markah yang baik dalam peperiksaan dan menjadi harapan cikgu. Walaupun miskin dan comot berbanding kawan-kawan yang lain, Roha sering menjadi rujukan dan bualan di sekolah.

Setiap kali pulang dari sekolah, biasanya Roha akan singgah ke pasar untuk membantu abah beliau berniaga. Pada hari-hari tertentu Roha akan ke pasar malam membantu abahnya berniaga di sana. Ternyata kedua orang tuanya tidak pernah lalai untuk membesarkan dan mendidik anak-anak. Malah, mereka selalu memberikan peringatan kepada anak-anak tentang hal-hal agama dan pentingnya kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Roha sendiri pernah berazam untuk menjadi doktor atau jurutera bila dewasa kelak. Abah dan emak beliau adalah pendorong terkuat bagi Roha untuk belajar. Setiap kali berjaya dalam peperiksaan, abah beliau akan memberikannya hadiah.

## Peristiwa Menyentuh Hati

Banyak peristiwa suka duka yang membuatkan Roha insaf akan kesusahan keluarga, namun ada satu peristiwa amat bermakna yang benar-benar menyentuh perasaannya. Pada tahun tersebut, Roha menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seperti biasa abah dan emak Roha akan menasihati anak-anak termasuk Roha agar rajin serta belajar bersungguh-sungguh. Khusus buat Roha, abah beliau berjanji akan menghadiahkannya RM100 jika berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Roha hanya mengangguk sambil tersenyum. Dalam hatinya tidak pernah mengharapkan hadiah atau apa-apa balasan daripada emak dan abah beliau kerana menyedari mereka orang miskin. Di manalah pula emak dan abah Roha akan mencarikan wang sebanyak itu? Paling penting bagi Roha ialah mereka keluarga hidup bahagia walaupun serba kekurangan.

Hari demi hari berlalu, Roha selalu melihat abahnya memasukkan sesuatu dalam Al-Qur'an yang dibacanya setiap hari. Memang wujud perasaan ingin tahu apa yang dilakukan abah beliau. Bahkan Roha bagai dipanggil-panggil untuk membuka Al-Qur'an tersebut untuk mengetahui apa yang dimasukkan oleh abahnya. Namun, Roha tidak melakukannya kerana faham benar dengan didikan dan sikap abah yang melarang anak-anaknya menyentuh barang milik orang lain sesuka hati.

Masa berlalu dan akhirnya Roha selesai menduduki peperiksaan SPM. Sepanjang tempoh itu Roha membantu emak di rumah dan abah di kedai. Kini, tiba masanya keputusan SPM keluar dan Roha mendapat pangkat satu. Beliau merupakan pelajar terbaik aliran sains bagi sekolahnya. Abah dan emak Roha sangat gembira.

Malam itu selepas solat, abah Roha memanggilnya duduk di

hadapan beliau. Abah mengeluarkan duit seringgit sebanyak 100 keping dari dalam Al-Qur'an yang disimpannya sejak seratus hari lalu semata-mata untuk Roha. Roha sangat terharu dan sampai hari ini beliau akan tetap mengingati wang RM100 ringgit hadiah abahnya.

Mungkin hari ini kerana sudah berjaya, untuk mendapat wang sebanyak seratus ringgit adalah mudah bagi Roha. Namun, wang RM1 yang berjumlah 100 keping pemberian abah beliau adalah hadiah yang terbaik. Ia tidak ternilai dan akan dikenang oleh Roha hingga ke akhir hayat.

## Kemuliaan Abah Dan Emak

Roha juga insaf dan dapat memahami bahawa kemuliaan jiwa emak dan abah beliau adalah antara kunci untuk memerangi kemiskinan. Kata abah dan emak, *"biar kita miskin, tapi usah meminta-minta dan meminjam."* Mungkin kerana itu benar kata pujangga bahawa, *"miskin yang sebenar bukan miskin harta, tetapi miskin hati dan jiwa"*.

Abah dan emak Roha tidak pernah meminjam atau meminta demi kelangsungan hidup keluarga. Abahnya sanggup menunggang basikal kerana tidak mahu berhutang membeli kereta. Roha sekeluarga juga tinggal di dalam rumah kayu yang serba kekurangan kerana abahnya tidak mahu berhutang membeli rumah besar. Roha dan adik-beradik juga belajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tanpa meminjam. Hanya biasiswa yang diterima untuk membantu pendidikan mereka.

Roha sekeluarga tidak kisah makan nasi dengan kicap, ikan bilis atau apa sahaja rezeki yang ada. Apa yang pasti Roha dan adik-beradik tidak pernah kelaparan dan kebuluran kerana abah dan emak mereka adalah dua insan yang sangat rajin dan kuat

berusaha. Malah, emak dan abah mereka juga meninggal dunia dalam keadaan tidak berhutang.

Ajaibnya keluarga Roha, mereka suka dan selalu menolong orang lain walaupun tidak kaya. Sikap mulia abah dan emak Roha yang suka menolong orang lain ini mendidik jiwa Roha adik-beradik semenjak kecil lagi agar sentiasa bersedia membantu mereka yang memerlukan. Sifat mulia tersebut diteruskan oleh Roha apabila beliau meningkat dewasa.

## Meniti Kejayaan

Selepas tamat belajar dalam bidang Diploma Sains, Roha terus bekerja. Dalam sejarah hidupnya, Roha memang tidak pernah duduk sahaja tanpa melakukan apa-apa. Roha tidak malu bekerja di TASKA atau TADIKA dengan gaji sebanyak RM400 sahaja. Semua dilakukan demi membantu dan menyara keluarga. Roha terus berusaha hinggalah berjaya menjadi Jurutera Bersekutu dan turut memegang jawatan Pengurus Pentadbiran dan Kualiti.

Ketika ini, Roha bersama-sama kakak serta abangnya sudah mula membantu abah dan emak mereka serta adik-adik yang masih belajar. Ketika mula membina kerjaya inilah emak Roha meninggal dunia. Walaupun ketiadaan emak, abah Roha sanggup hidup sendiri selama 10 tahun sebelum turut dijemput oleh Allah SWT. Roha yakin ayahnya tentu puas kerana berjaya membesarkan anak-anak sehingga semuanya berjaya dalam bidang masing-masing dan mampu memiliki rumah serta kenderaan sendiri.

Ketika bekerja ini juga Roha terus menyambung pelajaran sehingga memperolehi ijazah dalam pengurusan sumber manusia. Ia tidak terhenti setakat itu sahaja malah diteruskan di peringkat sarjana dalam bidang total quality management (TQM). Kini, beliau memiliki perniagaan sendiri dengan memeganga

jawatan pengarah urusan kepada dua buah syarikat kecil yang mengendalikan program pengurusan latihan dan perundingan.

Roha juga meneruskan sikap mulia emak dan ayah yang suka membantu orang lain walaupun tiada pertalian darah. Kini, Roha turut terlibat dalam pelbagai jawatan dalam tujuh badan bukan kerajaan (NGO) yang memfokuskan soal kebajikan, kemanusiaan dan dakwah kepada masyarakat. NGO-NGO ini menyantuni kelompok seperti warga emas, anak yatim, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU). Roha juga telah berjaya menulis dan menyusun sepuluh buah buku untuk beliau berkongsi ilmu serta pengalaman yang ada.

Hari ini, hampir keseluruhan impian Roha sudah tercapai. Antara keinginannya sebelum ini misalnya mahu menunaikan umrah dan haji, mengunjungi negara-negara luar, menolong orang lain atau menjadi pendakwah semuanya telah tercapai. Walaupun demikian Roha ingin terus berusaha kerana masih ada ruang kejayaan yang belum diteroka. Beliau berharap kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat akan terus ditempa sebelum bertemu dengan Penciptanya kelak.

## Ibu Ratu Hatiku

Apabila ditanya kepada Roha apakah resepi dan tip kejayaan beliau, Roha menyimpulkan dengan apa yang namakan sebagai, *"sentuhan ajaib mak"*. Seni kata lagu, *"ibu, oh ibu, engkaulah ratu hati ku..."* begitu mengesankan jiwanya. Roha segera rasa rindu dan terkenangkan keistimewaan ibunya yang bukan sahaja lemah lembut, penyayang, penyabar dan pemalu, malah bijak mengatur urusan suami, anak-anak dan rumah tangga. Berikut adalah antara *"sentuhan ajaib mak"* yang mana Roha merasa amat kagum dan menjadi faktor beliau berjaya pada hari ini:

## 1. Keistimewaannya mahir menyediakan masakan paling sedap

Mungkin air tangan seorang ibu istimewa, tetapi sebenarnya emak beliau memang seorang tukang masak yang hebat. Sehingga kini, Roha tidak pernah menemui laksa sesedap yang dimasak oleh emaknya. Apa sahaja yang emak beliau masak hatta sambal tumis ikan bilis amat sedap.

Abah Roha sangat cerewet perihal makanan dan masakan. Namun, emaknya dapat menguruskannya. Abah Roha menjaga soal halal haram dalam makan minum dan tidak sukan makan di kedai. Makanan seperti jeruk, telur asin, keropok dan acar, semuanya emak Roha buat sendiri demi untuk menggembirakan hati suami.

Semenjak berusia sembilan tahun lagi, Roha adik-beradik memasak. Tidak hairanlah dua orang kakak Roha iaitu Kak Cah dan Kak Dah juga pandai memasak malahan mencari rezeki dengan berniaga masakan panas dan menyediakan pelbagai lauk pauk. Begitulah cara emak Roha mendidik anak-anak tentang erti halal, bersih dan berkat melalui masakannya.

## 2. Ketinggian kreativiti yang tiada bandingannya

Di samping memasak, emak Roha juga seorang yang pandai menjahit baju untuk keluarga, menganyam mengkuang untuk dijadikan bakul dan tikar serta membuat gubahan hantaran untuk pengantin. Ketika abah Roha keluar berniaga, emaknya bekerja di sawah dan cekap menangkap ikan dengan pelbagai kaedah. Ada sahaja ikan yang diperoleh setiap hari untuk dijadikan hidangan lauk buat mereka sekeluarga. Keropok emak Roha sememangnya enak dengan pelbagai corak dan warna sementara tikar mengkuang yang dihasilkan sering dibeli oleh rakan-rakannya.

Pendek kata, emak Roha memang berfikiran kreatif dan boleh melakukan banyak tugasan yang berbeza dalam satu masa. Justeru, tidak hairanlah emak Roha memiliki kemahiran menyelesaikan sesuatu masalah dengan kaedah yang berbeza-beza dan pada masa yang sama.

### 3. Penegasan agama terhadap anak-anak

Walaupun emak Roha tidak bersekolah tinggi, namun beliau amat tegas dalam soal didikan agama sepertimana dengan ketegasan suaminya. Kedua orang tua Roha mahu anak-anak berada di rumah pada jam tujuh malam setiap hari. Solat dan mengaji Al-Qur'an adalah tugasan rutin yang mesti dilakukan setiap malam.

Roha menyaksikan sendiri setiap hari kedua orang tuanya akan bangun menunaikan solat malam. Rutin ini berterusan sehinggalah mereka meninggal dunia. Sesungguhnya tanpa didikan dan penegasan agama oleh kedua orang tuanya, Roha merasa mana mungkin beliau dan adik-beradik boleh berjaya seperti hari ini.

### 4. Penglipur lara nombor satu

Roha masih ingat ketika zaman kanak-kanak, emaknyalah penglipur lara nombor satu bagi adik-beradiknya. Setiap malam emak Roha akan dikelilingi oleh anak-anak untuk mendengar cerita. Macam-macam cerita menarik yang diceritakan kepada anak-anaknya. Daripada kisah para nabi dan rasul hinggalah kisah-kisah dongeng yang penuh pengajaran seperti *"Batu Belah Batu Bertangkup"*, *"Si Tanggang"* dan lain-lain.

Di samping dapat mengukuhkan hubungan sekeluarga, cerita-cerita ini mengajar Roha tentang perbezaan akhlak yang baik dengan buruk, balasan perbuatan baik dan akibat perbuatan jahat di dunia ini.

### 5. Penerapan nilai-nilai kepimpinan

Emak Roha juga seorang pemimpin yang tegas. Peraturannya saudara tua menjaga adik-adik. Kalau adik-adik buat salah, abang dan kakak yang akan disoal dahulu oleh emak. Emak Roha berjaya membimbing anak-anak walaupun berhadapan dengan sembilan karenah anak-anak yang pelbagai.

Emak Roha juga bijak mendidik anak-anak hidup berdikari. Setiap anak diberikan tugasan masing-masing. Kakak yang sulung memasak, kakak kedua membantu kerja di bendang, Roha pula mengemas rumah, adik melipat pakaian dan seterusnya.

### 6. Ketabahan yang mengagumkan

Emak Roha adalah wanita yang sangat tabah sehingga hampir tidak kedengaran keluh kesahnya terhadap segala jerih payah yang dilalui. Roha masih ingat akan peristiwa mereka sekeluarga difitnah dan dihalau keluar dari rumah pada tengah malam. Aksi jiran ketika mengugut abah Roha dengan pisau jelas terakam dalam memori Roha hanya kerana merebutkan tanah yang sekangkang kera.

Ketika Roha meningkat remaja, sekali lagi Roha sekeluarga terpaksa berpindah. Semuanya angkara harta yang dikejar oleh bukan orang lain, tetapi keluarga sendiri. Keadaan memang sukar, tetapi emak Roha cukup tabah berada di sisi suami menghadapi segala rintangan.

## 7. Kelembutannya menjadi idaman

Kelembutan wajah emak Roha bukan sahaja menyejukkan mata yang memandang, tetapi kelembutan hatinya menawan ramai pemuda pada zaman remajanya. Bila sudah beristeri dan bergelar ibu, kelembutan emak Roha tetap terserlah walaupun dalam keadaan payah dan sering bersikap tegas.

Emak Roha cukup lembut hati terhadap anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan bantuan. Walaupun tidak kaya, tapi emak cukup kaya hati budinya malah emak ada ramai anak angkat dalam kalangan anak-anak yatim dan susah. Rumah mereka bagai tempat anak-anak yatim mendapat perlindungan dan kasih sayang. Roha masih ingat bagaimana anak-anak angkat emak beliau sentiasa berkunjung setiap kali mereka sedih mahupun gembira.

Hal ini cukup mengajar Roha agar sentiasa menghormati mereka yang kurang bernasib baik dan sentiasa mensyukuri apa juga yang dimiliki. Barangkali kerana itulah sifat lembut, pemurah dan prihatin pada anak-anak yatim dan golongan yang kurang bernasib baik terus subur dalam jiwa Roha adik-beradik.

## 8. Ketegasan melebihi kelembutannya

Dalam kelembutan, emak Roha memiliki ketegasan yang membentuk anak-anaknya menjadi insan yang kuat dan tabah. Emak Roha cukup tegas dengan tanggungjawab. Jika Roha atau mana-mana ahli keluarga yang cuai menjalankan tugasan masing-masing, emak akan marah. Jika lewat masuk rumah sebelum jam tujuh malam, mereka akan didenda. Apatah lagi dalam hal menuntut ilmu, tiada siapa yang berani ponteng sekolah sesuka hati.

## 9. Kekemasan bukan soal main-main

Emak Roha cukup pengemas orangnya. Setiap perkara ada cara dan peraturan. Daripada melipat dan menyusun baju, hinggalah cara menyidai, membasuh dan menyusun pinggan serta pakaian semua ada caranya. Setiap hari tempat tidur dan seluruh rumah mesti dibersihkan dan dikemaskan. Roha dan adik-beradik dididik dengan penuh peraturan.

## 10. Kesetiaan yang tidak pernah berbelah bahagi

Emak Roha juga adalah anak, isteri, ibu dan kakak yang setia. Emak Roha setia dalam soal kasih sayangnya terhadap suami dan tetap berada di sisi suaminya walau apa juga keadaan. Emak Roha juga amat setia pada janji-janjinya kepada adik-beradik. Semua adik-beradiknya menjadikan emak Roha tempat meminta pertolongan bila diperlukan. Semenjak datuk meninggal dunia, emak Roha menjadi ibu kepada adik-adiknya, malah beliau menyusukan adik bongsunya selepas kematian nenek.

## 11. Kecantikan akhlaknya seiring keindahan paras rupa

Emak Roha memang cantik orangnya. Emak Roha bertubuh kecil molek, kulitnya cerah, halus dan lembut manakala matanya pula redup, dan hidungnya mancung. Langkah emak tersusun dan lemah lembut. Namun, yang paling cantik iaitu sentuhan akhlaknya. Emak Roha cukup penyayang, prihatin, bersopan dan suka mengalah tidak kira kepada yang muda ataupun yang tua. Beliau juga sentiasa menjaga persahabatan.

Akhlak emak Roha memancarkan sifat keceriaan,

kebijaksanaan, pemurah, penyayang, penyabar, mementingkan kebersihan, rendah diri, pandai mengambil hati dan suka membantu. Emaklah contoh dan teladan terbaik buat Roha untuk menjadi insan yang mulia dan berjaya.

### 12. Kebaikan dan pengorbanan yang tidak tertulis

Bagi Roha semua "sentuhan ajaib mak" tidak mampu dinukilkan. Semoga cebisan kecil penceritaan ini mampu memberikan pengajaran dan pengalaman berguna untuk generasi hari ini dan yang akan datang. Walaupun emak Roha sudah tiada lagi, nama dan jasa emak beliau tetap menjadi sebutan dan terpahat dalam sanubari anak cucunya.

## Pesanan Untuk Semua

Sesungguhnya untuk keluar dari belenggu kemiskinan bukanlah semudah menuturkan kata-kata. Apa yang paling penting untuk perubahan dalam diri adalah dengan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Jika ada antara kita yang kurang dari sudut akademik, ia masih boleh menampungnya dengan kemahiran. Itulah yang Roha lakukan selama ini untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Roha juga menjadikan pengalaman hidup silam, pesanan arwah abah beliau dan teladan *"sentuhan ajaib mak"* sebagai pendorong untuk beliau berjaya. Sikap adik-beradik yang tidak jemu-jemu berusaha dan sanggup bersama-sama bersusah payah juga menjadi pembakar semangat buat Roha. Ini ditambah lagi dengan doa dan galakan guru-guru serta rakan-rakan yang semakin membuatkan Roha terus gigih berusaha hingga berjaya sampai ke hari ini.

# KISAH 8
# PENGANGGURAN

Setiap manusia ada mengalami pasang surut kehidupan. Tidak ketinggalan Lina yang begitu terganggu rentak kehidupannya apabila ditinggalkan ibu tersayang. Ibunya dijemput Ilahi pada usia 69 tahun, meninggalkan Lina yang baharu mencecah usia awal remaja iaitu 18 tahun. Ia menyebabkan hidup Lina hilang tempat bermanja, terabai pelajaran dan menganggur sehinggalah bangkit kembali dengan bantuan ahli keluarga.

Lina dilahirkan pada tahun 1982 di Bagan Serai, Perak. Anak kelapan daripada sembilan orang adik-beradik ini berperwatakan riang dan ceria. Ini kerana Lina memiliki ayah, ibu, kakak dan abang yang begitu bertanggungjawab dan mengambil berat tentang dirinya. Maklumlah, Lina anak bongsu kerana anak kesembilan ayah ibu merupakan anak susuan. Lumrah bagi seorang anak bongsu pastinya tidak dapat dipisahkan daripada sifat ingin lebih diberi perhatian, tumpuan dan kasih sayang.

Keluarga Lina bukanlah golongan yang senang. Ayahnya seorang peniaga kedai runcit kecil di kampung dan bersawah padi. Manakala ibunya pula adalah suri rumah yang menguruskan hal ehwal rumah tangga sepenuh masa. Walaupun begitu, keluarga Lina amat mementingkan pelajaran dan didikan agama di samping sikap saling bekerjasama dan bertanggungjawab. Ia menjadi pasak utama dalam keluarga yang bahagia ini.

## Saat Menyedihkan

Setiap yang hidup pasti akan merasai mati. Itu janji Allah SWT yang pasti. Pada tahun 2000, bonda yang kesayangan Lina meninggal dunia. Walaupun sudah berusia 18 tahun, Lina masih belum cukup puas merasakan kehangatan kasih seorang ibu. Lina berasa sepi dan sedih kerana kehilangan belaian manja ibu. Sungguhpun dikelilingi oleh adik-beradik yang ramai, namun kesedihannya masih belum sirna mungkin disebabkan faktor status sebagai anak bongsu selama ini.

Lina menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun sebelumnya. Keputusan SPM Lina hanya sekadar lulus sahaja disebabkan beliau mempunyai masalah kesihatan. Lina gagal belajar dan mengulang kaji dengan baik bagi menghadapi peperiksaan yang penting itu. Ini membuatkan hidupnya rasa tersisih dan rendah diri jika dibandingkan dengan adik-beradik yang lain.

Lina berasa malu dengan adik-beradik lain yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti atau sekurang-kurangnya ke maktab perguruan setelah tamat SPM. Perasaan tersebut benar-benar mengganggu emosinya sehingga beliau lebih suka menyendiri atau berkawan dengan teman-teman yang senasib dengan dirinya selama hampir dua tahun.

Sepanjang tempoh tersebut, hanya rakan sebaya sahajalah yang menjadi tempat beliau mengadu dan meluah perasaan. Masa yang dilalui terasa cukup panjang dan membosankan. Masa Lina lebih banyak dihabiskan di dalam bilik dengan termenung dan berangan-angan, atau melepak bersama teman-teman senasib, tanpa berbuat apa-apa yang bermanfaat untuk dirinya. Ternyata kekecewaan hati yang dihadapi membuatkan Lina merasa seolah-olah sudah tiada masa depan yang indah untuknya lagi.

Bapa Lina tidak pernah jemu-jemu memberi kata-kata motivasi dan perangsang supaya beliau berubah dan belajar kembali. Begitu juga, adik-beradiknya yang lain sering memberi teguran dan nasihat pada setiap masa yang terluang. Namun demikian, oleh sebab rasa kecewa yang amat sangat dengan keputusan SPM yang diperoleh, membuatkan Lina tiada lagi berminat untuk meneruskan pelajaran, apatah lagi mahu bekerja.

Hanya sesekali sahaja Lina membantu ayah menjalankan perniagaan runcitnya. Itupun berlaku setelah puas ayahnya memujuk berkali-kali tanpa putus asa. Pernah juga Lina menjaga anak-anak saudara. Tetapi semua yang dilakukan lebih atas dasar kasihankan ayah dan tidak mahu adik-beradik risau, bukannya keikhlasan yang hadir daripada hati.

## Detik Keinsafan

Berkat doa yang tidak putus-putus daripada keluarga di samping nasihat, bimbingan dan harapan, Lina mula menampakkan perubahan. Cahaya keinsafan mula terpancar sedikit demi sedikit dalam diri Lina untuk berubah ke arah lebih baik. Individu yang paling hampir menasihatinya ialah Kak Rihan iaitu anak keempat dalam keluarganya.

Kak Rihan mirip arwah ibu yang tidak pernah serik bercakap dan menasihatinya. Pendekatan Kak Rihan ialah mendekati, memahami dan menjiwai permasalahan yang Lina alami. Kata-kata perangsang dan motivasi tidak pernah lekang daripada bibir Kak Rihan. Walaupun pernah satu ketika Lina merasa cukup bosan dan menyampah apabila mendengar kata-kata motivasi daripada kakaknya itu.

Kak Rihan mempunyai prinsip yang jelas dalam hidupnya. Beliau sering meminta Lina untuk bangun daripada dibuai mimpi yang tidak pasti dengan mengambil SPM untuk kali kedua. Akhirnya, Lina bersetuju untuk mendaftarkan diri di sebuah sekolah swasta dan mengambil SPM sekali lagi. Berkat kesungguhannya belajar dan mengulang kaji mata pelajaran, Lina mendapat keputusan SPM yang lebih baik. Bagaimanapun ia belum cukup untuk melayakkan beliau meneruskan pengajian ke universiti.

Sepanjang tempoh dilanda kemurungan tersebut, Lina acap kali juga mengikuti perkembangan kawan-kawannya yang berjaya menyambung pelajaran ke menara gading. Mereka kelihatan gembira, hebat dan bergaya menjalani kehidupan di kampus. Ini membuatkan terlintas di fikiran Lina untuk mengubah nasibnya.

## Minat Mula Berputik

Sesuatu yang menarik juga dialami oleh Lina sewaktu menghabiskan masa menjaga anak-anak saudaranya. Lina mendapati dirinya mempunyai kecenderungan dan kesesuaian dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Satu peristiwa yang tidak mungkin dilupakan oleh Lina ialah ketika beliau dibawa ke Pulau Pinang oleh kakaknya. Beliau telah diperkenalkan kepada kawan kakaknya yang juga pemilik sebuah TADIKA/TASKA. Selepas itu, beliau dibawa ke Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mendaftar pengajian di peringkat sijil bagi Program Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Ketika mengikuti program pensijilan tersebut, Lina telah bertemu dan bergaul dengan ramai kawan terdiri daripada pelbagai bangsa dan usia. Maka semakin bertambahlah minat beliau dalam kursus yang sedang diambilnya. Galakan dan

semangat daripada teman-teman sekelas juga membuatkan Lina semakin bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang diidam-idamkannya.

Setelah setahun belajar secara separuh masa di USM sambil bekerja di TADIKA/TASKA, Lina semakin berpengalaman dan bertambah serasi dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ditambah pula dengan kata-kata perangsang dan tunjuk ajar daripada Kak Rihan, Lina merasa peluangnya semakin cerah untuk menyambung pelajaran dalam bidang tersebut sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Walaupun hanya belajar di peringkat sijil sahaja, namun Lina merasa amat seronok. Mungkin kerana USM terkenal sebagai antara IPTA yang terkemuka membuatnya begitu teruja. Semenjak itu, tekad Lina semakin kuat untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan mengumpul wang sebanyak mungkin. Minat beliau untuk mendalami ilmu pendidikan awal kanak-kanak juga semakin hari semakin membara di jiwanya.

Pendorong utama beliau sudah pastinya Kak Rihan yang telah banyak berkorban apa sahaja sama ada dari segi masa, tenaga, buah fikiran mahupun wang ringgit semata-mata hendak melihat dirinya berubah dan berjaya dalam hidup. Kak Rihan tidak pernah mengalah malah berusaha mendapatkan beberapa pekerjaan dan peluang untuk Lina menyambung pelajaran dalam bidang yang diminatinya.

## Mengorak Langkah Mencari Kesejahteraan

Pada tahun 2007, Kak Rihan telah membawa beliau ke sebuah kolej swasta yang menawarkan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak untuk sesi temu duga. Yuran pengajian program tersebut agak tinggi dan hasil temuduga juga mendapati Lina tidak

layak kerana beliau mencatat keputusan mata pelajaran Bahasa Malaysia yang kurang baik pada peringkat SPM. Kak Rihan tidak mahu melihat adiknya kecewa buat kali kedua. Lalu, Kak Rihan membawa Lina berjumpa dengan Pengetua Kolej untuk merayu.

Setelah Pengetua Kolej berkenaan meneliti sijil dan mendengar pengalaman Lina dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak serta penglibatannya dalam kerja-kerja amal, Pengetua Kolej tersebut bersetuju memberinya peluang. Syaratnya, Lina perlu mengambil semula mata pelajaran Bahasa Malaysia SPM Kertas Julai dan memperolehi keputusan yang baik. Selain itu, pembayaran yuran pengajian juga boleh dilakukan secara bulanan. Hanya Tuhan sahaja yang tahu betapa gembira dan bersyukurnya Lina saat itu.

Pada tahun yang itu juga, Lina menduduki peperiksaan Bahasa Malaysia SPM kertas Julai untuk kali ketiga. Semasa pergi untuk menduduki peperiksaan, beliau mendapati ramai yang senasib dengannya sehingga terdapat calon yang lebih berusia daripadanya hadir untuk tujuan yang sama. Malah, terdapat juga dalam kalangan calon yang datang dengan memandu kereta mewah "Mercedes". Justeru, timbul persoalan dalam diri Lina; *"Mengapakah saya perlu malu? Padahal untuk berjaya saya tidak perlu malu.".*

Paling menyentuh perasaan Lina ialah pengorbanan besar oleh Kak Rihan. Setiap hari sesudah subuh Kak Rihan akan menghantarnya ke kolej sebelum masuk kerja. Kemudian, Kak Rihan menjemput beliau pada sebelah petang dengan terpaksa meredah kesesakan lalu lintas. Pengorbanan Kak Rihan tersebut membakar semangat Lina untuk belajar dan pada masa sama turut melakukan tugasan mengajar.

Tanpa diduga, pada tahun akhir pengajian Lina merupakan salah seorang pelajar cemerlang dan terpilih untuk mendapat biasiswa. Duit biasiswa tersebut digunakan oleh Lina untuk

membayar semula duit yuran yang didahulukan oleh kakaknya. Setelah memiliki segulung diploma, Lina mula dipandang tinggi oleh rakan-rakan yang tidak menyangka dirinya juga mampu berjaya.

Rentetan daripada pencapaiannya, Lina bertambah bersemangat dan ingin menimba pengalaman di luar negara pula dalam bidang yang sama. Ini amat mengejutkan rakan-rakan lamanya. Satu-satunya insan yang yakin beliau boleh berjaya ialah kakaknya sendiri. Ketika berada di luar negara, Lina dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik lagi di samping mendalami ilmu dan pengalaman dalam bidang yang dicintainya itu.

Selain itu, Lina juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang masakan. Ini memberi inspirasi kepada beliau untuk belajar dan menimba ilmu dalam bidang masakan sehingga memiliki sijil daripada sebuah akademi masakan.

Akhirnya, dalam tempoh masa sepuluh tahun setelah sedar dan melakukan perubahan, Lina berjaya mengharungi segala cabaran dengan cemerlang. Hasil didikan kakaknya yang konsisten terhadap Lina, akhirnya beliau memiliki pelbagai kemahiran dalam kehidupan seperti mengajar, memasak, mengguna kemudahan ICT di samping ilmu dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Tiada lagi istilah kecewa dan menganggur, malah pelbagai tawaran kerja diterimanya. Kini, Lina bekerja sebagai guru dan penyelia kepada TADIKA serta TASKA. Beliau juga merupakan tenaga pengajar untuk syarikat *"I Inspiration Centre"* milik Kak Rihan. Beliau boleh berbangga kerana memiliki beberapa buah syarikat dalam bidang latihan, konsultasi, butik dan salun Muslimah. Semua kejayaan hari ini adalah dengan bantuan kakak dan keluarga beliau.

## Mengatasi Rintangan Diri

Merenung kembali zaman lalu, membuatkan Lina tersenyum sendiri mengenang kejahilan dan sikapnya yang mudah berputus asa. Padahal keluarga sekeliling sedia memberikan dorongan berbanding insan lain yang sebahagiannya tiada mengambil peduli mengenai masalahnya. Lina amat bersyukur kerana beliau dikurniakan keinsafan, hidayah serta kekuatan untuk bangkit menghadapi rintangan dan mencipta kejayaan.

Rintangan utama yang menjadi halangan untuk Lina berjaya ialah sikap yang ada dalam dirinya sendiri. Perasaan rendah diri dan takut apabila gagal kali pertama akan mencengkam jiwa. Faktor penghalang luaran juga boleh memberi kesan negatif kepada seseorang. Antaranya, wujud golongan yang suka membanding-bandingkan kelebihan dan kekurangan antara satu sama lain. Tidak kurang juga segelintir manusia yang mempunyai sikap suka berdengki dengan kejayaan orang lain sehingga sanggup melakukan bermacam perkara untuk saling menjatuhkan sesama sendiri. Malah, Lina juga berhadapan dengan persepsi masyarakat yang menganggap guru TADIKA/TASKA sebagai kurang standard atau kerjaya kelas kedua dengan tawaran gaji yang rendah. Padahal, kejayaan anak bangsa bermula pada peringkat awal lagi iaitu pendidikan TADIKA/TASKA.

## Pedoman Buat Semua

Bagi Lina, untuk mengatasi rintangan tersebut, seseorang itu mesti berfikiran positif dan berusaha sedaya upaya untuk mengatasi pandangan negatif orang lain dengan mencari sudut positif bagi mengatasi persepsi tersebut.

Untuk itu, perlu ada matlamat hidup yang jelas dan berusaha merealisasikan setiap cita-cita secara berperingkat-peringkat. Pada masa yang sama pilihlah bidang yang diminati kerana ia memudahkan seseorang menguasainya dan berjaya. Namun, jangan lupa ia perlu disusuli dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan doa kepada Yang Maha Esa.

Untuk berjaya juga, seseorang itu perlu memiliki sifat pemurah untuk memberi, tidak kira sama ada ilmu, wang ringgit, tenaga ataupun buah fikiran. Sifat suka memberi dan menolong orang lain dalam apa jua keadaan akan diberi ganjaran yang baik daripada Allah SWT dengan dimurahkan rezeki dan dipermudahkan jalan untuk berjaya. Jika ada orang lain mengambil kesempatan atas sikap ini, hendaklah segera menjauhkan diri untuk mengelakkan daripada perkara yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu, bersedialah untuk memaafkan kesalahan orang lain kerana jiwa yang pemaaf akan sentiasa merasa tenang. Sesungguhnya tiada manusia yang sunyi daripada melakukan kesilapan. Hanya Allahlah sahaja yang lebih berhak untuk menghukum hamba-hambaNya. Bahkan sentiasalah bersangka baik sesama manusia apatah lagi dengan Allah SWT.

Jangan mudah memandang rendah kepada orang lain kerana setiap insan ada kekuatan dan kekurangannya yang tersendiri. Sebaliknya, selalulah mengamalkan sifat merendah diri agar sentiasa dihormati oleh orang lain.

Apabila diberikan amanah dan tanggungjawab pula, berusahalah untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Di samping itu, beranikan diri untuk mencuba sesuatu yang baharu demi membina masa hadapan yang lebih cemerlang.

## Jalan Ke Hadapan

Kini, jalan di hadapan semakin jelas buat Lina. Semua yang dikecapinya pada hari ini pastinya tidak didapati dengan cara yang mudah. Kisah silam yang dilaluinya telah mengajar beliau erti sebuah kehidupan sebagai hamba kepada Yang Maha Pencipta. Sewajarnya setiap apa yang dimiliki perlulah disyukuri dan dimanfaatkan sebaik-baiknya selagi hayat di kandung badan.

Lina akan terus mengenang jasa dan budi Kak Rihan. Kakaknya yang seorang inilah menjadi kawan dan teman di kala Lina bersedih mahupun gembira. Shah Alam, ibu negeri Selangor Darul Ehsan, menjadi tempat pilihan untuk Lina dan Kak Rihan, dua beradik ini bermastautin sehingga ke hari ini.

# KISAH 9
# PENAGIHAN DADAH

Pengalaman hitam hidup pada zaman muda memang amat menyakitkan. Apatah lagi hidup bagai bangkai bernyawa yang tiada nilai langsung pada mata masyarakat. Namun, tiada apa yang lebih manis bilamana nur hidayah Allah SWT tiba dan dapat membangkitkan seseorang daripada kegelapan silam. Inilah cebisan hidup Jefri yang bergelumang dengan penagihan najis dadah sebelum berubah menjadi insan yang berguna kepada keluarga, agama dan masyarakat.

Jefri dilahirkan pada tahun 1954 dan merupakan anak jati Pontian, Johor. Walaupun umur Jefri sudah menjangkau 60 tahun namun beliau masih gigih berbakti demi menebus kesilapan lalu. Beliau adalah anak ketiga daripada empat orang adik-beradik dan merupakan putera kedua serta mempunyai seorang abang, kakak dan adik lelaki.

Kehidupan keluarga Jefri serba sederhana. Bapa Jefri adalah seorang anggota bomba yang sentiasa bersedia untuk bertugas tanpa mengira masa sama ada siang atau malam lebih-lebih lagi jika ada panggilan kebakaran. Manakala ibu pula Jefri tidak bekerja tetapi sibuk membantu mengurus hal ehwal keluarga ketika ayah bekerja. Oleh kerana ayah merupakan seorang anggota perkhidmatan awam, mereka sekeluarga sering berpindah randah.

Ibu Jefri merupakan insan yang paling rapat dengannya dan amat menyayangi beliau. Ayah pula jenis yang tidak banyak cakap, dan adakalanya panas baran tetapi seorang yang penyayang. Kehadiran dua insan ini di sisi Jefri cukup istimewa dan bermakna, namun kedua-duanya sudah kembali ke rahmatullah. Bapa Jefri meninggal dunia pada tahun 1975 iaitu lima tahun selepas bersara daripada perkhidmatan bomba. Ia disusuli dengan pemergian bondanya yang tercinta pada tahun 2007 akibat penyakit kencing manis. Masing-masing meninggal dunia pada usia 60 tahun dan 76 tahun.

## Mula Terjebak

Rokok adalah punca utama yang menyebabkan Jefri mula terjebak dengan penyalahgunaan najis dadah. Beliau mula berjinak-jinak dengan rokok semenjak awal sekolah menengah lagi di Tangkak, Johor. Kenakalan Jefri terus menjadi-jadi disebabkan pengaruh rakan sebaya. Beliau pernah bersama rakan-rakan sekelas terlibat dalam kes memukul seorang guru. Ia berpunca daripada perasaan tidak puas hati dengan cara guru tersebut menegur kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka.

Akibat sering berpeleseran bersama teman-teman yang tidak menitikberatkan soal pelajaran, Jefri gagal dalam peperiksaan *Lower Certificate of Education (LCE)*. Oleh kerana mahu melihat Jefri berjaya, bapanya telah meminta beliau mengambil semula *LCE* di sekolah swasta, namun disebabkan kurang minat untuk belajar akhirnya beliau gagal untuk kali kedua.

Bermula November 1969 ketika berusia 15 tahun, Jefri telah terlibat dengan dadah. Semuanya kerana ajakan serta cabaran daripada rakan sebaya untuk mencuba dadah. Akibatnya, beliau terjebak dalam dunia kegelapan tersebut selama hampir 23 tahun. Pada masa yang sama, abang beliau yang sulung juga telah

terlibat dengan dadah tanpa pengetahuan keluarga sebelum adik lelakinya turut terjebak dalam kancah yang sama.

Kesibukan arwah ayah bekerja hingga menyebabkan beliau kurang memberikan tumpuan dan kasih sayang terhadap Jefri adik-beradik. Kerana itu rakan sebaya menjadi tempat pilihan untuk meluahkan perasaan serta berkongsi kegembiraan apabila mendapat dadah. Persekitaran hidup Jefri pada awal usia remaja yang penuh tekanan, mendorongnya untuk mencari nikmat sementara dengan mengambil dadah.

Sebenarnya terdapat satu lagi faktor yang menyebabkan Jefri terlibat dengan najis dadah. Beliau cuba lari dari tekanan rasa bersalah dan malu akibat mengalami gangguan seksual daripada seorang individu yang tidak bertanggungjawab. Jefri cuba mengubati perasaan tersebut bukan sahaja dengan menagih dadah malah mengambil minuman samsu dan pil khayal.

## Meniti Kehidupan Yang Gelap

Pada tahun 1970, Jefri sekeluarga telah berpindah ke Muar, Johor kerana bapanya bertukar tempat kerja. Maka, bermulalah era Jefri bekerja untuk mendapatkan wang. Namun, semua duit gaji dihabiskan untuk membeli dadah. Lokasi-lokasi gelap di Bandar Maharani, Muar menjadi *"port"* Jefri melepaskan gian apabila mendapat "barang" tersebut.

Kebanyakan rakan-rakan Jefri pada waktu itu, sama ada yang sebaya atau lebih tua memang terdiri daripada mereka yang telah terlibat dengan dadah. Bagi Jefri dan teman-teman "lorong gelapnya", apabila dadah mengalir dalam tubuh ia suatu nikmat dan ibarat berada dalam syurga. Namun, apabila kesan dadah sudah hilang dan rasa gian datang, seksanya hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Sepanjang tempoh penagihan, Jefri selalu mencuri, menyamun, meragut dan mengedar dadah secara kecil-kecilan untuk mendapatkan wang. Semuanya bagi tujuan membeli bekalan dadah. Beliau sanggup berbuat apa sahaja semata-mata untuk mendapatkan dadah. Jefri juga pernah bekerja sebagai buruh binaan jambatan bermula tahun 1971 sehingga 1974. Oleh kerana tiada majikan yang boleh menerima pekerja mereka terlibat dengan najis dadah, maka beliau diberhentikan kerja.

Setelah itu, Jefri mengambil keputusan untuk merantau bersama adik lelakinya ke Jengka, Pahang. Mereka bekerja sebagai penyelia am di salah sebuah kilang dan ladang ubi kayu selama hampir tiga tahun. Masalah dengan pihak majikan membuatkan beliau mengambil keputusan berhenti kerja.

Sekitar tahun 1976 sehingga 1980, Jefri mendapat pekerjaan sebagai seorang pengurus pelanggan di salah sebuah agensi pengiklanan di Jalan Telawi Bangsar, Kuala Lumpur. Kehidupan di kota metropolitan membuatkan beliau lebih terdedah dengan syurga dunia. Masalah dadah yang dihadapi olehnya membuatkan Jefri sekali lagi berhenti kerja.

Pada penghujung tahun 1992, ketika beliau menetap di Kuala Lumpur, terjadi satu peristiwa yang menyebabkan Jefri tidak dapat mengawal keadaan dirinya. Beliau keluar dari rumah dan hidup merempat di mana sahaja yang disukainya. Lokasi utamanya adalah Jalan Chow Kit bersama-sama rakan seangkatannya. Di sini kehidupan Jefri semakin tidak terurus. Makan dan minum tidak menentu sehingga kadangkala hanya tidur di kaki lima dan di bawah jambatan sahaja. Istilah bagi golongan penagih dadah seperti ini disebut sebagai *"rock bottom"*.

## Setitis Hidayah

Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengasih terhadap hamba-hambaNya. Suatu hari apabila Jefri melihat dirinya dalam sebuah cermin yang besar, tiba-tiba beliau berasa amat terkejut. Beliau melihat wajahnya sendiri yang seperti mayat hidup. Peristiwa di hadapan cermin besar di sebuah hotel bajet Jalan Chow Kit itu bagaikan petir membelah diri. Lantaran itu, keesokan hari beliau ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk menyerah diri dan membuat pemeriksaan kesihatan serta saringan HIV.

Setelah dua minggu berlalu, Jefri hadir semula ke hospital untuk mengambil keputusan ujian darah. Sekali lagi beliau terkejut kerana doktor mengesahkan bahawa beliau positif dijangkiti HIV. Lidah Jefri terus kelu untuk berkata-kata walau sepotong ayat kerana perasaan tidak percaya dengan berita yang diterimanya.

Insiden tersebut benar-benar membuatkan Jefri rasa terpukul. Bermulalah detik-detik keinsafan dalam diri beliau. Pada ketika itu fikirannya bercelaru dan keliru. Jefri cuba menghubungi kaunselor yang dikenalinya, tetapi beliau tidak tahu apa yang hendak diluahkan pada saat itu.

Jefri menguatkan hati pulang ke pangkuan keluarga. Beliau amat bersyukur ke hadrat Tuhan kerana keluarga beliau masih menerima, menyokong dan sedia membantu dirinya. Adiknya yang sememang rapat dengan dirinya turut pulang segera ke rumah setelah diberitahu melalui telefon. Kata-kata keramat adiklah yang membuatkan hatinya benar-benar tersentuh, *"walau apapun, you are still my brother"*.

Bertitik tolak dari situ bermulalah hidup Jefri sebagai penagih dadah yang menghidapi HIV positif. Setiap hari beliau akan memandang ke langit, meraung dan menangis sambil memohon kepada Allah agar membantunya kerana sudah tidak mampu lagi meneruskan hidup. Pun begitu, anggota keluarga terus

menyokongnya untuk berubah. Mereka sekeluarga tidak pernah putus asa membantu Jefri walaupun beliau menghidapi HIV positif.

Setelah itu, Jefri kerapkali mengambil ujian darah di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Segala puji milik Allah jua, pada ujian yang terakhir, beliau didapati HIV negatif. Mungkin ia berkat doa daripada insan yang paling menyayanginya iaitu ibunya yang tercinta. Nampaknya Allah SWT memilih cara ini untuk menyedarkan Jefri agar keluar dari belenggu dadah bilamana beliau disahkan HIV positif pada awalnya.

Sebenarnya Jefri sudah berberapa kali berpeluang untuk berubah. Sudah empat kali beliau keluar dan masuk penjara dan telah menerima rawatan pemulihan di lima buah pusat serenti yang berbeza. Sedikit pun ia tidak memberi sebarang kesan pada jiwa Jefri untuk sedar dan berubah. Namun, berbeza pada kali ini, setitis hidayah daripada Allah SWT telah memberi kesan yang besar terhadap diri dan hidup Jefri. Beliau benar-benar insaf dan belajar atas apa yang telah terjadi selama ini.

## Mengorak Langkah Meneroka Bahagia

Peristiwa menghidapi HIV positif tersebut telah mengubah diri Jefri seratus peratus. Jefri yang sekarang lebih yakin dan bertenaga, bukan Jefri yang dahulu serba longlai dan tidak ketahuan. Beliau telah berjaya mengembalikan maruah diri dan menjadi insan yang lebih bertanggungjawab, jujur dan menyayangi diri sendiri.

Penghijrahan Jefri dari sisi zaman gelap kepada cahaya begitu menyerlah terutamanya setelah beliau menyerah dirinya kepada Allah SWT. Beliau mendapat bimbingan dan pengajaran di Rumah Pengasih atas kerelaan dirinya sendiri. Di sinilah Jefri banyak memperbaiki diri dari hari ke hari, dengan berpegang

pada prinsip, *"recovery comes first and everything else will follow"*. Insan yang banyak mendorong sewaktu itu ialah Datuk Yunus Pathi Mohd iaitu Yang Dipertua Pengasih Malaysia.

Berbekalkan keyakinan dan sokongan daripada kakaknya, beliau telah membuka sebuah syarikat perniagaan sendiri pada tahun 1991 sehingga 1993. Pada tahun 1994, Jefri ditawarkan menjadi ahli lembaga kepada Koperasi Pengasih Berhad. Pada tahun 2011 pula, beliau dilantik menjadi pengerusi koperasi tersebut disebabkan kredibiliti dan gaya kepimpinannya yang baik. Komitmen yang beliau tunjukkan membolehkannya terus kekal sebagai Ahli Lembaga Koperasi Pengasih Berhad sehingga ke hari ini.

Pada tahun 2007, Jefri bertemu jodoh dengan seorang jurujual bunga yang berasal dari Bukit Gantang, Perak. Beliau hidup bahagia dengan pasangannya. Sudah menjadi adat alam perkahwinan ada pasang surutnya, namun berkat persefahaman antara satu sama lain kehidupan mereka kekal harmoni.

Memiliki cahaya mata merupakan anugerah Allah yang menjadi idaman setiap pasangan. Namun begitu atas ketentuannya juga, Jefri dan isteri masih belum menimang zuriat. Mereka masih sabar menunggu kehadiran orang baharu dalam hidup. Pun begitu, ia tidak menghalang mereka untuk membina sebuah rumah tangga yang bahagia. Kini, Jefri dan isteri menetap di Kepong, Kuala Lumpur setelah lebih sepuluh tahun berhijrah ke Lembah Klang.

## Menghadapi Cabaran

Jefri mengakui bukan mudah untuk bekas penagih sepertinya memulakan hidup baharu kerana beliau dianggap sebagai, *"late starter"*. Pada peringkat awal, perasaan rendah diri amat menebal

kerana rata-rata masyarakat masih belum memberi kepercayaan kepadanya.

Jefri mengakui proses pemulihan seseorang penagih bukanlah mudah. Malah, dana ratusan ribu ringgit diperlukan. Namun begitu, selepas beberapa tahun, baharulah masyarakat Malaysia boleh menerima golongan ini. Ini dapat dilihat melalui pelbagai bantuan diterima daripada agensi kerajaan dan pelbagai pihak seperti Petronas, Khazanah Nasional, Maybank, CIMB, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan lain-lain lagi.

## Membantu Mereka Yang Tersisih

Pengalaman hidup yang telah dilalui oleh Jefri selama ini, memberinya motivasi untuk membantu mereka yang bermasalah dalam penagihan dadah dan HIV/AIDS. Untuk itu, beliau mengetuai projek Teduhan Kasih di Sungai Buloh, Selangor dengan memegag jawatan sebagai pengarah. Waktu yang paling menggembirakan ialah apabila projek beliau membuahkan hasil. Residen yang dibantu sejak 1993 sehingga kini, telah dapat menikmati kembali kehidupan berkeluarga dan berkerjaya. Kelebihan Jefri ialah beliau kreatif dan sentiasa memahami keperluan dan kehendak residen.

Di samping itu, Jefri turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan International AIDS Conference di beberapa buah negara dan *Asia Federation Of Theraputic Community (AFTC)*. Beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Exco Majlis AIDS Malaysia selama enam tahun.

Hasil sumbangannya, Jefri telah menerima anugerah *Vocational Awards* daripada Rotary Club Metro Kuala Lumpur (2005-2006), anugerah tokoh sukarelawan sempena sambutan

Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (2011) dan mendapat anugerah Tokoh Komuniti Terbaik Peringkat Kebangsaan (2013) yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan MAIS.

Sepanjang tempoh 21 tahun lalu, Jefri menggunakan masanya semaksimum mungkin untuk membina diri dan memberi sumbangan kepada golongan sepertinya. Ini menjadikan beliau lebih yakin dan berjaya dalam keluarga dan masyarakat. Kejayaan hari ini dapat dicapai kerana beliau telah diberi kepercayaan oleh semua pihak termasuklah ahli keluarga, komuniti Pengasih, agensi kerajaan, badan-badan korporat, pihak berkuasa agama dan juga residen Teduhan Kasih.

## Pedoman Buat Semua

Kejayaan yang dikecapi Jefri saat ini adalah berpunca daripada kekuatan faktor dalaman. Selain itu, faktor luaran yang dimainkan oleh pihak yang berwajib dan prihatin juga amat penting. Tindakan bersinergi pihak berkuasa seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), polis, jabatan kesihatan, majlis dan jabatan agama Islam dan pihak berkuasa tempatan (PBT) amat penting bagi menangani permasalahan penyalahgunaan dadah dan golongan yang terjebak dalam kancah najis dadah.

Ia diperkuatkan lagi dengan sumbangan kelompok korporat dan keprihatinan masyarakat setempat. Tanggungjawab bersama yang dimainkan dapat membantu lebih ramai belia terhindar daripada gejala penagihan najis dadah. Pada masa yang sama mereka yang terjebak pula dapat dipulihkan.

Sesungguhnya sesuatu kejayaan tidak mudah untuk digapai. Namun, ia tidak pula mustahil. Bagi Jefri, syarat penting

untuk berjaya ialah sikap yang positif. Antaranya termasuklah keterbukaan, semangat yang kental, berinovasi dan kreatif, bersedia mendengar dan belajar daripada orang lain yang lebih berpengalaman *(role model)*, istiqamah dan komited, percaya dan tidak lupa diri, jujur serta kuat bekerja. Paling penting jangan lupa menjaga hubungan dengan Allah SWT, sentiasa berdoa kepadaNya dan memelihara hubungan baik sesama manusia.

Nasihat akhir Jefri untuk menjadi panduan kepada semua, Allah SWT menjadikan kita manusia ada kelebihan dan kekurangan. Justeru, bantulah mereka yang kurang bernasib baik dan yang memerlukan. Sentiasa berharap orang yang kita bantu akan lebih baik keadaannya daripada kita.

# KISAH 10
# AJARAN SESAT

Ramai tidak menduga setelah lebih 20 tahun kumpulan Al-Arqam yang difatwakan sebagai haram dan hampir dilupakan, tiba-tiba ia muncul kembali pada penghujung tahun 2013. Semuanya kerana pengakuan tonggak terakhir kumpulan tersebut iaitu Ummu Jah, untuk bertaubat dan melepaskan pegangannya selama ini.

Ummuh Jah atau nama sebenarnya Hatijah Binti Aam adalah isteri kepada ketua kumpulan al-Arqam iaitu Ustaz Asaari Muhamad. Beliau dilahirkan pada tahun 1954 di Jitra, Kedah dan kini menetap di Bandar Country Homes Rawang, Selangor. Beliau mempunyai enam orang adik-beradik dan berasal daripada keluarga yang sederhana. Bapanya sudah lama meninggal dunia ketika Ummu Jah berumur 13 tahun, manakala ibunya pula masih dipanjangkan umur dan kini berusia 102 tahun.

Segala-galanya bermula pada tahun 1980 apabila Ummu Jah berkahwin dengan Ustaz Asaari. Perkahwinannya dengan Ustaz Asaari adalah atas kerelaannya sendiri dan tidak dipaksa oleh mana-mana pihak. Semenjak itu, beliau kuat berpegang dengan ajaran kumpulan tersebut yang dikenali sebagai Aurad Muhammadiah. Kumpulan Al-Arqam pada waktu itu berpusat di Sungai Penchala, Selangor.

Ajaran Aurad Muhammadiah ini terkandung di dalam buku yang menjadi pegangan Al-Arqam yang bertajuk, *"Aurad*

*Muhammadiah Pegangan Dar Al-Arqam Sekali gus Menjawab Tuduhan"* ditulis oleh Ustaz Asaari sendiri. Di samping itu, terdapat sebuah lagi kitab *manaqib* (riwayat hidup) Syeikh Muhammad Abdullah As-Suhaimi yang menjadi teras kepercayaan pengikut al-Arqam.

## Penyelewengan Al-Arqam

Antara ciri-ciri penyelewengan ajaran Al-Arqam ialah mempercayai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi iaitu pengasas Aurad Muhammadiah tidak mati dan akan kembali sebagai Imam Mahdi. Beliau dikatakan menerima ajaran Aurad Muhammadiah itu daripada Rasulullah SAW dengan bertemu Baginda sendiri dalam keadaan jaga *(yaqazah)* di dalam Kaabah. Ustaz Asaari yang mempelopori ajaran ini pula dianggap mempunyai barakah, karamah dan syafaat, bahkan didakwa telah diberi kuasa-kuasa *"kun fayakun"* Allah.

Sebahagian daripada ciri-ciri ajaran ini sudah cukup memperlihatkan tanda-tanda kesesatan. Dakwaan menerima ajaran aurad daripada Rasulullah SAW adalah bertentangan dengan syariat kerana urusan wahyu telah selesai dengan wafatnya Baginda. Agama Islam telah lengkap dan sempurna. Manakala kepercayaan bahawa Ustaz Asaari mempunyai kuasa ajaib pula boleh membawa kepada syirik kerana menyekutukan Allah SWT.

Rentetan itu, antara tahun 1988 hingga 1999, jawatankuasa fatwa negeri-negeri telah mengeluarkan fatwa bahawa fahaman Aurad Muhammadiah pegangan kumpulan Al-Arqam yang terkandung menerusi dua buah buku tersebut, sebagai bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. Ia boleh mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam. Kedua-dua buah buku tersebut turut diharamkan. Orang Islam juga dilarang memberi kemudahan atau membantu aktiviti kumpulan Al-Arqam yang boleh membawa kepada pengamalan ajaran aurad tersebut.

Majlis Fatwa Kebangsaan juga telah mengeluarkan fatwa mengharamkan kumpulan tersebut pada tahun 1994. Majlis memutuskan bahawa ajaran dan fahaman kumpulan Al-Arqam bertentangan dengan akidah dan syariat Islam sekali gus mengakibatkan syirik.

Berikutan itu, Ustaz Asaari dan beberapa pemimpin kanan kumpulan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang kemudiannya membuat pengakuan tentang penyelewengan Al-Arqam. Setelah beberapa ketika, beliau kemudiannya dibebaskan. Walau bagaimanapun beliau dikenakan tahanan rumah di Rawang dan Labuan dan akhirnya meninggal dunia pada tahun 2010.

Bagi Ummu Jah perkembangan yang berlaku sepanjang tahun 1988 hingga tahun 2006 itu tidak menggoyahkan pegangannya. Semua itu adalah suatu ujian kerana beliau merasakan mereka berada di pihak yang benar.

Setelah diharamkan pada tahun 1994, ajaran Aurad Muhammadiah tersebut cuba dihidupkan semula melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. yang ditubuhkan oleh bekas ahli-ahli Al-Arqam. Justeru pada tahun 2006, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan pula pegangan dan ahli jamaah Rufaqa' yang mengandungi fahaman-fahaman menyamai kumpulan Al-Arqam sebelum ini adalah menyeleweng. Apa juga usaha melalui Rufaqa' dengan maksud menonjolkan kembali ajaran Aurad Muhammadiah adalah diharamkan.

## Kelebihan Al-Arqam

Sepanjang tempoh menjadi pengikut Al-Arqam sekali gus isteri kepada ketua gerakan, Ummu Jah sentiasa mempercayai bahawa pegangannya adalah benar. Beliau dapat melihat pengaruh kumpulan sehingga ke luar negara khasnya di Indonesia. Kekuatan jamaah Al-Arqam yang membangunkan pelbagai keperluan asas dan fardhu kifayah umat Islam amat mengagumkan. Ini menyebabkan Ummu Jah bertambah yakin dengan kumpulan ini.

Al-Arqam berjaya membina dan mengembangkan bidang-bidang penting kehidupan antaranya pendidikan, penerbitan, khidmat kesihatan, pelancongan, perusahaan, telekomunikasi dan pertanian. Langkah dan pergerakan yang sama dapat dilihat pada penubuhan Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. yang turut diharamkan.

## Misi Seterusnya

Selepas kematian Ustaz Asaari yang juga digelar Abuya, Ummu Jah membuat kenyataan kontroversi bahawa suaminya tidak mati tetapi ghaib dan akan kembali sebagai pembantu Imam Mahdi. Beliau kemudiannya menubuhkan Global Ikhwan Sdn. Bhd. (GISB) yang berpangkalan di Makkah. GISB mahu mencapai cita-cita mendapatkan kuasa di luar sistem yang dibenarkan mengikut Perlembagaan negara. Ahli GISB percaya mereka akan menakluki dunia bermula dengan pembukaan Makkah dan Madinah, Khurasan dan akhirnya pembukaan Malaysia.

Mereka menyewa premis-premis di Makkah untuk dijadikan pusat kegiatan. Malah, cubaan menyebarkan fahaman salah mereka kepada jamaah haji atau umrah dari Malaysia melalui kegiatan perniagaan yang diusahakan turut dikesan. Ummu Jah turut menanam kepercayaan karut kepada ahlinya di luar Arab

Saudi, khususnya di Malaysia melalui komunikasi *'skype'* yang dikenali sebagai "Persidangan Parlimen Roh".

Akhirnya, dengan bantuan Kerajaan Arab Saudi, Ummu Jah, para pemimpin kanan dan pengikutnya ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sewaktu beliau pulang dari Makkah kerana cuba menghidupkan ajaran kumpulan Al-Arqam. Beliau kemudiannya bersama-sama 17 pengikut telah mengaku bersalah di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat kerana melanggar arahan mufti yang mengharamkan ajaran kumpulan itu.

Namun, mereka dilepaskan dengan bon berkelakuan baik selama setahun dan menjalani proses pemurnian akidah. Sepanjang tempoh pemulihan, Ummu Jah dibimbing oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

## Detik Keinsafan

Setelah lebih 34 tahun terlibat, berpegang dan memperjuangkan ajaran Aurad Muhammadiah, akhirnya Ummu Jah insaf dan bertaubat. Saat keinsafan mula terbit pada Mei 2013 melalui sesi penjelasan di JAIS. Penjelasan itu berkisar tentang fatwa tentang kesesatan dan penyelewengan ajaran Aurad Muhammadiah oleh Ketua Penolong Penguatkuasaan JAIS. Ummu Jah merasa insaf kerana beliau benar-benar yakin dan sedar bahawa fatwa itu benar.

Setelah sesi penerangan tersebut, Ummu Jah mengambil masa enam bulan untuk membuat keputusan muktamad iaitu membuat pengakuan bersumpah dan menandatangani perisyhtiharan bahawa mereka telah bertaubat. Majlis tersebut dilakukan di hadapan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Timbalan Mufti

Selangor, Pengarah JAIS dan Ketua Polis Selangor pada September 2013. Apa yang dilakukan selepas itu ialah mereka melakukan taubat nasuha dan membakar buku-buku ajaran lampau.

## Melangkah Ke Hadapan

Setelah melalui zaman hidup dalam kesesatan, Ummu Jah merasakan seolah-olah mati hidup semula. Kini, amalannya ialah menunaikan solat taubat dan cuba kembali ke arus perdana pangkuan masyarakat. Hasil bimbingan dan kesedaran yang dialami, beliau mendapat banyak ilmu dan sahabat-sahabat yang baharu.

Bagi Ummu Jah, para guru agama dari JAIS dan KDN-Bukit Aman adalah pendorong untuk beliau menyedari kesilapan lalu. Antara yang diingatinya ialah satu kursus pemulihan akidah di Jelebu, Negeri Sembilan anjuran JAKIM. Beliau dapat melihat dengan jelas kebenaran yang berjaya dihuraikan dengan baik sekali oleh para penceramah dan pembimbing.

Antara kata-kata azimat yang menjadi pegangan beliau ialah kalau kita jujur mencari kebenaran, nescaya akhirnya Allah akan rezekikan kita dengan kebenaran tersebut. Untuk itu, akuilah kesalahan, kerana itulah bukti bahawa kamu benar. Akhirnya, kita akan merasai nikmat hidayah Allah. Sepanjang detik lalu memang pahit bila kita dikatakan sesat, namun ia amat manis bilamana diberi kesempatan oleh Allah SWT untuk bertaubat.

Namun begitu, Ummu Jah mengakui bahawa beliau masih dalam proses pemulihan dengan dibantu oleh pihak JAIS, JAKIM dan KDN. Setelah sekian lama berpegang pada suatu ajaran yang sudah hampir menjadi darah daging, sudah pasti ia bukan mudah untuk dilupakan. Malah, wujud juga gangguan-gangguan daripada pihak-pihak yang mencemburui perubahan yang sedang dilaluinya.

Untuk itu, beliau berharap Allah SWT akan sentiasa merahmati dan mengurniakan beliau hidayah serta kemudahan untuk terus meninggalkan kesesatan lalu. Di samping itu, beliau menggesa semua pihak harus bermunajat kepada Allah SWT agar ajaran sesat Aurad Muhammadiah ini dan ajaran-ajaran sesat yang lain benar-benar dapat dinoktahkan di negara ini.